PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA P ARLIMEN KEDUABELAS 2010

L J

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI SELASA: 15 JUN 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 4,11 HINGGA 63)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 3, 5 HINGGA10

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN
MALAYSIA

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH		15 JUN 2010 (SELASA)
DARIPADA		Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)

SOALAN

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bitakah undang-undang atau peraturan berkaitan dengan Komuniti Pagar dan Pengawal kawasan kediaman akan dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menggubal satu garis panduan khusus bagi merancang, mengawal dan memantau pembangunan skim-skim komuniti berpagar dan berpengawal.

Garis panduan ini kini sedang dalam proses pertimbangan oleh Jemaah Menteri untuk dikuatkuasakan.

Garis panduan ini telah menggariskan secara terperinci aspek-aspek perancangan dan pengawalan bagi kedua-dua konsep skim pembangunan iaitu *'gated community scheme*' (GACOS) yang dibangunkan selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2006) dan *'guarded neighbourhood*' yang pada asasnya merupakan pemilikan individu *(individual landed title)* yang pembentukannya tidak tertakluk kepada Akta Hakmilik Strata 1985.

Sebaik mendapat pertimbangan Jemaah Menteri, garis panduan ini akan

dibawa ke Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dan seterusnya akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk diterimapakai dan dikuatkuasakan di setiap negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang membenarkan pembangunan komuniti berpagar atau *gated community* adalah di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (pindaan 2007) sementara pembinaan sesebuah komuniti berpagar hendaklah selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 yang berkuatkuasa pada 12 April 2007 telah menambah satu peruntukkan khusus bagi membenarkan penubuhan komuniti berpagar. Dengan adanya peruntukan ini, Jawatankuasa Penduduk atau Perbadanan Pengurusan adalah sah dari aspek perundangan untuk membina pagar dan palang jalan bagi kawasan skim berkenaan. Ini kerana perkara-perkara seperti jalan dan kawasan lapang adalah menjadi harta bersama di bawah pentadbiran perbadanan pengurusan bagi sesuatu skim komuniti berpagar.

Sehubungan dengan itu, KPKT buat masa ini tidak berhasrat untuk meminda Undang-undang berkaitan bagi membangunkan komuniti berpagar memandangkan undang-undang lain sedia ada didapati memadai.

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Jun 2010

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A :TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

[DUNGUN]

TARIKH : 15JUN2010

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan Pendekatan holistik Kerajaan bagi menangani masalah banjir di seluruh negara. Adakah Kerajaan bersedia menimbangkan kaedah pembiayaan alternatif bagi melaksanakan projek-projek Rancangan Tebatan Banjir dalam RMK-10.

SOALAN NO.: 12

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani masalah banjir di seluruh negara, kerajaan mengambil pendekatan menguruskan banjir secara bersepadu (*Integrated Flood Management*). Pendekatan ini melibatkan pelaksanaan langkah-langkah struktur dan bukan struktur untuk mengurangkan kejadian banjir, di samping mengurangkan kerosakan dan kehilangan nyawa serta harta benda.

Langkah-langkah struktur merangkumi kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan empangan, kolam-kolam takungan, rumah pam, benteng sungai, lencongan sungai serta kerja-kerja melebarkan dan mendalamkan sungai.

Manakala langkah-langkah bukan struktur adalah seperti kawalan pembangunan, penempatan semula penduduk daripada kawasan banjir, pengkalisan banjir serta sistem ramalan dan amaran banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju supaya pendekatan *PFI* (Private Finance Initiative) digunakan untuk membiayai sebahagian daripada projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Dengan cara ini, lebih banyak lagi projek RTB dapat dilaksanakan kerana peruntukan pembangunan biasa adalah terhad.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Dato' Rashid bin Din [Merbok]
Tarikh	15 Jun 2010 (Selasa)
Soalan	[No. 12]

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan setelah Kerajaan menjalankan langkah-langkah untuk menggalakkan rakyat tempatan berkerja di ladang, apakah kemajuan yang telah tercapai sehingga kini untuk menaikkan tahap (ratio) pekerja asing/rakyat tempatan melibatkan diri

dalam sektor perladangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 31 Mei 2010, jumlah gunatenaga di sektor perladangan adalah seramai 722,867 orang. Daripada jumlah ini, pekerja asing adalah 270,691 orang atau 37.5% manakala pekerja tempatan adalah 452,176 orang atau 62.5%.

Perincian mengenai jumlah gunatenaga mengikut sektor adalah seperti berikut:

i. Sektor sawit menggajikan seramai 457,555 orang pekerja di mana 236,699 orang atau 51.7% adalah pekerja asing dan 220,856 orang atau 48.3% adalah pekerja tempatan.

- Nisbah 1 pekerja asing, 1 pekerja tempatan.

ii. Sektor getah menggajikan seramai 250,184 orang pekerja di mana 31,724 orang atau 12.7% adalah pekerja asing dan 218,460 orang atau 87.3% adalah pekerja tempatan.

- Nisbah 1 pekerja asing, 7 pekerja tempatan.

iii. Sektor koko menggajikan seramai 15,128 orang pekerja di mana 2,268 orang atau 17.3% adalah pekerja asing dan 12,860 orang atau 82.7% adalah pekerja tempatan.

- Nisbah 1 pekerja asing, 6 pekerja tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Secara umum sektor getah dan koko menggaji lebih 80% pekerja tempatan kecuali sektor sawit pada nisbah 1 pekerja asing dan 1 pekerja tempatan. Pekerja tempatan tertumpu dalam menjalankan kerja- kerja am seperti meracun, membaja dan memandu jentera ladang serta menoreh getah manakala pekerja asing pula kepada kerja-kerja menuai buah tandan segar dan kerja-kerja di tapak semaian.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh KPPK dalam meningkatkan nisbah bilangan pekerja tempatan berbanding pekerja asing adalah:

i. Mengadakan Seminar dan Pameran Kerjaya Komoditi bagi meningkatkan kesedaran dan minat belia untuk terlibat dalam kerjaya di sektor perladangan. Pada tahun 2009, seminar ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 4,087 orang manakala bagi tempoh Januari hingga Mei 2010 pula seramai 2,107 orang.

ii. Menyediakan kursus dan latihan di pusat-pusat latihan agensi di bawah KPPK:

- Menggred buah sawit
- Mekanisasi ladang
- Pengenalpastian klon-klon getah
- Pengawalan penyakit dan makhluk perosak getah
- Pembuatan coklat
- Pengeredan biji koko

Pada tahun 2009, bilangan peserta yang telah menyertai kursus dan latihan yang dianjurkan oleh agensi KPPK seramai 3,857

orang manakala bagi tempoh Januari hingga Mei 2010 pula seramai 2,538 orang.

iii. Penyebaran maklumat menerusi penerbitan Buku Panduan Pengajian dan Program Latihan Berkaitan Perladangan, Pertanian dan Komoditi untuk edaran ke sekolah, kolej, universiti dan juga perpustakaan awam.

Soalan No: ll>

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)**

TARIKH **15.6.2010**

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sama ada pihak RISDA mempunyai perancangan untuk memajukan mini estet getah di penempatan semula Empangan Batang Ai dan penempatan semula Skim Skrang.

(**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini RISDA tiada cadangan untuk membangunkan penempatan semula Empangan Batang Ai dan Skim Skrang. Namun begitu, sekiranya terdapat permohonan untuk menanam semula getah tua oleh pekebun kecil dari kawasan tersebut sama ada secara individu atau secara berkumpulan, RISDA sedia membantu untuk membangunkannya di bawah program pembangunan tanam semula bagi tanah yang ada hak milik atau bergeran.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada tinjauan awal RISDA, terdapat tanah-tanah berstatus NCR di kawasan Empangan Batang Ai dan Skim Skrang. Buat masa ini, RISDA sedang menggubal peraturan bantuan tanam semula bagi tanah NCR dan isu ini akan dibincangkan terlebih dahulu bersama Kerajaan Negeri Sarawak sebelum sebarang pelaksanaan dilakukan.

PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

DARIPADA YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh
LISAN [Kuantan]

TARIKH 15 Jun 2010

SOALAN Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah iangkah yang sedang dilakukan Kerajaan bagi menjenamakan semula serta meningkatkan lagi keberkesanan Biro Pengaduan Awam (BPA) seperti mana dalam jawapan Menteri bertarikh 19 November 2009.

JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Selaras dengan perubahan persekitaran dan masyarakat, modus operandi BPA juga telah diperkemas untuk membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Beberapa langkah konkrit telah diambil untuk menjenamakan semula BPA. Antaranya ialah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2009: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. Pekeliling tersebut menekankan aspek-aspek berikut:

(a) Penambahbaikan terhadap mekanisme dan tempoh penyelesaian aduan oleh semua agensi kerajaan sejauh mana yang boleh dalam masa 15 hari bekerja, berbanding tempoh 41 hari bekerja pada hitung panjangnya, walaupun memang ada kes yang terpaksa mengambil masa yang agak panjang kerana melibatkan peruntukan kewangan, pengambilan tanah, pandangan dari pelbagai agensi lain, dan sebagainya;

(b) Keperluan untuk menjadikan perbincangan dan penyelesaian aduan-aduan sebagai salah satu perkara agenda yang utama dalam mesyuarat pengurusan sesebuah agensi kerajaan;

(c) Setiap agensi kerajaan perlu melantik seorang peaawai pemantau aduan bertaraf Timbalan Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Pengarah atau Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri; dan

(d) Setiap agensi kerajaan dikehendaki melantik seorang pegawai untuk berurusan dengan BPA bagi menangani aduan supaya membolehkan pengurusan aduan agensi menjadi lebih efektif.

Kaedah proaktif dan turun padang merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh BPA untuk tujuan penjenamaan semula. Dalam usaha menjadi penghubung antara kerajaan dengan rakyat, BPA menganjurkan program-program proaktifnya seperti program MESRA Rakyat, Kaunter Aduan Bergerak (KAB) dan Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB). Program-program tersebut dianjurkan untuk mempertemukan rakyat terutamanya di luar bandar bersama-sama dengan wakil agensi-agensi kerajaan secara bersemuka dan berdialog. Penganjuran program-program yang berkenaan memberikan peluang kepada anggota-anggota masyarakat untuk menyampaikan maklum balas mereka terhadap tahap penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan yang diterima oleh mereka. Ianya juga membolehkan BPA mendidik masyarakat mengenai peranan dan tanggungjawab BPA secara spesifiknya dan Perkhidmatan Awam secara amnya.

BPA juga memfokuskan kepada proses penyelesaian aduan dalam usaha meningkatkan keberkesanan BPA sendiri dan agensi-agensi yang berkenaan dalam pengurusan aduan awam. BPA telah memperkenalkan teknik penyelesaian aduan secara *"systemic".* Teknik ini dapat mengelakkan aduan yang berulang-ulang kerana analisis dijalankan ke atas aduan-aduan bertujuan untuk mengenai pasti pola dan punca-punca yang menyebabkan sesuatu aduan berlaku. Kaedah ini membolehkan agensi kerajaan dapat mengambil tindakan bukan sahaja untuk pembetulan *(corrective action)* dan pencegahan *(preventive action)* dalam menyelesaikan aduan-aduan yang ditujukan terhadap mereka. Pendekatan ini bertujuan agar penyelesaian menyeluruh terhadap sesuatu isu dapat dilaksanakan, terutamanya melalui perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada berita-berita yang disiarkan oleh media cetak dan elektronik sebagai satu wadah komunikasi di antara rakyat dengan kerajaan. BPA telah diberikan peranan untuk memantau pandangan dan maklum balas yang terkandung dalam Surat Kepada Pengarang (SKP). Mulai 1 Januari sehingga 23 Mei 2010, sebanyak 570 SKP telah diberi maklum balas oleh agensi-agensi Persekutuan. BPA menyediakan laporan mingguan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan. Bagi memantapkan pelaksanaannya, semua agensi

Persekutuan telah diminta untuk menyediakan ruangan SKP di laman web masing-masing untuk memuat naik semua maklum balas yang dikemukakan.

Bermula awal tahun 2010, pengadu juga boleh mengemukakan aduan melalui SMS 15888 kepada BPA. Kaedah ini membolehkan pengadu mengemukakan aduan, menyemak status aduan serta mendapatkan alamat Ibu Pejabat BPA. Jika perlu, pengadu juga boleh mendapatkan alamat Ibu Pejabat BPA untuk membolehkan mereka bersemuka dengan pegawai-pegawai aduan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan mengemukakan dokumen sokongan seperti surat dan gambar.

Inisiatif-inisiatif tersebut berjaya mendekatkan BPA dengan masyarakat selari dengan gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Penjenamaan semula BPA ini dapat memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan BPA khususnya dalam konteks pengurusan aduan awam.

/£T
Soalan No:^

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 15.06.2010

SOALAN NO 15

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred (Tuaran) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa unit rumah kos rendah yang telah dibina di kawasan Tuaran pada tahun 2009 dan berapa unit akan dibina dalam tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang membina sebanyak 76 unit rumah teres kos rendah di Taman Layar Impian dan Kampung Laya-Laya, Tuaran, Sabah dan projek perumahan ini dijangka dapat disiapkan pada penghujung tahun 2010. Pada masa ini, SPNB tidak bercadang untuk menambah bilangan kos rendah di kawasan Tuaran. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan dan peruntukan mencukupi, SPNB bersedia melaksanakannya.

SOALAN NO. 16

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)
TARIKH SOALAN	15 JUN 2010 (SELASA)

Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

Perkembangan terkini perancangan mewujudkan estet padi di Kedah dan rasionalnya kepada penanam padi di negeri itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek estet padi merupakan program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertujuan meningkatkan hasil padi pesawah dan menambahkan pendapatan mereka. Pada masa ini, seluas 39,930 hektar telah diusahakan sebagai estet padi. Ia dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Terdapat 310 projek estet padi di kawasan MADA dengan keluasan 15,143 hektar yang melibatkan seramai 9,640 orang pesawah. Menjelang tahun 2010, seluas 20,000 hektar akan dimajukan sebagai estet padi di kawasan MADA. Di

samping itu, MADA juga merancang untuk membangunkan 45,000 hektar estet padi antara tahun 2011 dan 2015 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Rasional perwujudan estet padi di Negeri Kedah adalah untuk meningkatkan hasil padi dan pendapatan pesawah melalui pengurusan secara berpusat oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Sebagai perbandingan, kawasan tanaman sebelum dijadikan estet padi purata hasil kasar pada tahun 2006 ialah sebanyak 5.36 tan metrik sehektar tetapi setelah dimajukan estet padi ia meningkat kepada 6.00 tan metrik sehektar pada tahun 2007, 6.39 tan metrik sehektar pada tahun 2008 dan 6.53 tan metrik sehektar pada musim 1 tahun 2009. Estet padi membantu memudahkan pengurusan penanaman serta mampu mengurangkan kos pengeluaran padi. Hubungan baik dan kerjasama yang wujud antara PPK dan pesawah hasil pengurusan berpusat ini membolehkan penyampaian dan penggunaan teknologi terkini kepada pesawah dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kecekapan pengurusan air juga dapat dipertingkatkan melalui pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur pengairan dan saliran dalam kawasan estet padi. Projek estet padi juga membantu PPK meningkatkan urus niaga tani yang diusahakan oleh PPK akan dapat menyalurkan kembali keuntungan kepada pesawah dalam bentuk bonus dan dividen.
Secara keseluruhannya, perwujudan estet padi di Kedah dapat memberi kebaikan dan keuntungan kepada pesawah-pesawah dan juga PPK di negeri berkenaan.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIANG TECK MENG

TARIKH: 15JUN2010

SOALAN:
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah kes aduan yang diterima mengenai permohonan tambahan pekerja asing bagi tahun 2009 dan 2010.

PR-1232-L38100

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2009 telah memutuskan untuk memberikan pertimbangan permohonan rayuan daripada syarikat perkilangan yang memerlukan pekerja asing. Selaras dengan itu, permohonan pekerja asing oleh pihak industri hendaklah berasaskan kepada keperluan sebenar pekerja asing dan perlu dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal Mengenai Pekerja Asing (yang ditubuhkan pada 30 September 2009) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia dan dianggotai ahli-ahli daripada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Unit Perancangan Ekonomi.

Permohonan tersebut hanya terbuka kepada 5 sub sektor perkilangan iaitu elektrik dan elektronik, tekstil, plastik, sarung tangan getah dan perabot yang dikenalpasti amat

memerlukan tenaga kerja yang mendesak kerana permintaan yang meningkat. Selain daripada itu, Jawatankuasa tidak akan mengambilkira nisbah kelayakan *(relaxation on ratio requirement)* majikan apabila permohonan dibuat.

Tempoh permohonan adalah dari 11 November 2009 sehingga 31 Disember 2009 sahaja dan selepas tempoh tersebut proses permohonan adalah seperti biasa. Bagi tempoh masa ini, 1,320 majikan telah mengemukakan permohonan yang melibatkan keperluan seramai 117,091 orang pekerja asing tetapi hanya seramai 103,031 orang sahaja yang diluluskan. Oleh kerana permohonan tambahan hanya untuk tempoh hanya bagi tempoh 3 bulan sahaja (sehingga 31 Disember 2009), maka tiada permohonan tambahan dibuat pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman, aduan berkenaan permohonan pekerja asing lebih menjurus kepada aduan majikan-majikan yang tidak berpuashati terhadap permohonan mereka yang ditolak oleh Jawatankuasa. Penolakan yang diputuskan adalah kerana majikan tidak tergolong dalam 5 sub sektor yang dimaksudkan, majikan gagal mengemukakan dokumen yang lengkap atau tepat semasa membuat permohonan dan tempoh masa kelulusan hanya bagi 3 bulan sahaja di mana tiada lanjutan diberikan. Bagaimanapun, aduan tersebut tidak direkodkan memandangkan aduan tersebut juga lebih kepada rasa tidak puashati terhadap proses kerja pengambilan pekerja asing.

Soalan No: 18

PERTANYAAN	PEMBERITAHU PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	YB. DEWAN RAKYAT. MALAYSIA	DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
KAWASAN	SUNGAI SIPUT	
TARIKH	15.06.2010 (SELASA)	
NO. SOALAN	18	

YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilangan kereta asing yang diimport dalam tahun 2008 dan 2009 mengikut pecahan harga import seunit kereta di bawah RM50,000, RM50,001 ke RM100,000, RM100,001 ke RM200,000, RM200,001 ke RM500,000 dan lebih daripada RM500,000.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MITI tidak mempunyai maklumat pecahan bilangan kenderaan yang diimport mengikut harga seunit. Walau bagaimanapun, jumlah Lesen Import (AP) kenderaan yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah AP Keluar (unit)
2008	40,886
2009	33,492

Sehingga 31 Mei 2010, jumlah AP kenderaan yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP adalah sebanyak 18,870 unit. MITI hanya mempunyai maklumat pecahan bilangan kenderaan yang diimport mengikut kapasiti keupayaan enjin (c.c) iaitu:

Kapasiti Eniin (CiC)	Tahun 2008 (unit)	Tahun 2009 (unit)	Tahun 2010 (sehinaaa 31 Mei 2010) (unit)
<1500	1,140	188	114
1500-1800	9,148	6,485	3,489
1800-2000	6,051	4,686	3,634
2000 - 2500	14,841	12,828	7,212
2500 - 3000	5,606	3,908	1,785
>3000	4,100	5,397	2,636
JUMLAH	40,886	33,492	18,870

Berdasarkan maklumat berkenaan, 80% kenderaan-kenderaan yang diimport mempunyai kapasiti keupayaan enjin melebihi 1800 c.c yang mana anggaran harga jualannya melebihi RM100,000.

SOALAN NO:4*©r

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]
TARIKH	SELASA, 15 JUN 2010
RUJUKAN	03 [PR-1232-L37191]

SOALAN

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

menyatakan sama ada skim bantuan untuk pembasmian kemiskinan bandar masih disalurkan melalui PBT di seluruh negara dan sama ada kerja audit dilakukan untuk memastikan keberkesanan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kulai, skim bantuan untuk pembasmian kemiskinan bandar di seluruh negara masih disalurkan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN).

Satu kajian penilaian *outcome* atau audit telah dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pertengahan tahun 2008 dengan tujuan untuk:

(i) memperoleh maklum balas daripada penerima-penerima bantuan berhubung faedah dan keberkesanan bantuan-bantuan yang diterima;

(ii) mengetahui tahap kepuasan mereka;

(iii) mendapat maklum balas sejauh mana bantuan yang disalurkan telah menjadikan kehidupan mereka bertambah baik; dan

(iv) mengenal pasti cadangan penambahbaikan.

Hasil daripada kajian tersebut, beberapa usaha penambahbaikan telah dikenal pasti dan dilaksanakan pada tahun 2010, iaitu :

(i) Ketua Isi Rumah (KIR) atau ahli isi rumah yang layak boleh dipertimbangkan untuk mendapat bantuan peralatan perniagaan;

(ii) latihan dan kemahiran diberi kepada penerima bantuan yang layak bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau menjalankan perniagaan; dan

(iii) bantuan sewa rumah sebanyak RM124 sebulan diberi bagi membolehkan keluarga mendiami rumah yang lebih baik dan selesa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWPKB telah melaksanakan program penyaluran bantuan kepada golongan miskin bandar di Hulu Selangor pada 21 April 2010 dan di Sibu, Sarawak pada 14 Mei 2010. Program seterusnya adalah di Johor Baharu pada 16 Jun 2010.

N0;20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]
T ARIKH	15 Jun 2010 (Selasa)
SOALAN	20

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kenapa kapal feri kecil yang beroperasi di antara Labuan dan Menumbok tanpa mempunyai insurans nyawa dibiarkan kepada penumpang.

Tuan Yang Dipertua,

Bot-bot kecil yang mengendalikan perkhidmatan dari Menumbok, Sabah ke Wilayah Persekutuan Labuan adalah dilesenkan oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah, yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah selaras dengan Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga, Sabah 2002. Berdasarkan perundangan dan peraturan semasa yang dikuatkuasakan di bawah enakmen ini, bot-bot kecil yang membawa penumpang 12 orang dan ke bawah adalah tidak disyaratkan untuk mengambil insurans nyawa.

SOALAN NO.: 21

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	Lisan
DARIPADA	Dato[1] Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut]
TARIKH	15 Jun 2010 (Selasa)
Soalan	Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah industri penternakan ikan air tawar di negara ini berjaya dikembangkan dalam usaha menambahkan sumber makanan untuk memenuhi keperluan rakyat serta menjana ekonomi negara.
Jawapan :	Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang DiPertua,

Ternakan akuakultur air tawar telah menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan. Sumbangan pengeluaran akuakultur air tawar didapati telah meningkat daripada 95,846.16 tan metrik pada tahun 2008 yang bernilai RM471,797.61 juta kepada 152,628.09 tan metrik pada tahun 2009 dengan anggaran nilai RM704,297.23 juta. Pada tahun 2009, hasil pengeluaran akuakultur air tawar telah menyumbang sebanyak 45.7 peratus daripada keseluruhan pengeluaran akuakultur negara, berbanding hanya 27 peratus pada tahun 2008. Peningkatan pengeluaran ini jelas menunjukkan peluasan

penerimaan ikan air tawar di pasaran. Ternakan utama bagi akuakultur air tawar adalah ikan keli, tilapia dan patin.

Selain itu, pihak Jabatan Perikanan Malaysia juga telah menyediakan pelbagai jenis latihan/bantuan kepada pengusaha ternakan akuakultur menerusi beberapa program seperti kursus ternakan ikan akuakultur, latihan sangkut serta penganjuran bengkel, seminar dan pameran. Program-program ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing pengusaha akuakultur dari segi pengeluaran selain membantu usaha Kerajaan untuk menambahkan sumber makanan untuk memenuhi keperluan rakyat serta menjana ekonomi negara.

Selain itu, Dasar Jaminan Bekalan Makanan memberikan insentif pengeluaran secara terus kepada penternak akuakultur berdasarkan hasil pengeluaran. Ini bertujuan untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh penternak ekoran kenaikan kos operasi dan inisiatif daripada Kerajaan untuk menggalakkan peningkatan hasil pengeluaran akuakultur. Bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2008, sebanyak RM 17,318,747 telah dibayar kepada 1,514 pemohon insentif. Manakala pada tahun 2009 pula, sebanyak RM107,091,267.17 diberikan kepada 7,428 pemohon insentif.

Bagi memperluaskan pasaran ikan air tawar di negara ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan Dasar Bekalan Ikan Air Tawar ke organisasi-organisasi Kerajaan. Bekalan ikan air tawar ini akan diperolehi daripada ladang akuakultur di bawah Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan ladang ayng diakreditasi oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Dasar ini mensyaratkan bekalan ikan air tawar dalam satu menu setiap seminggu. Dasar ini akan dilaksanakan di institusi-institusi latihan di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi, sekolah berasrama penuh, kolej, kem tentera, penjara, pusat SERENTI dan hospital.

SOALAN 22

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]
TARIKH	15 JUN 2010
SOALAN	Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Jumlah pelawat setakat ini ke Pavilion Malaysia di Ekspo Shanghai berbanding dengan Singapura dan Thailand dan berapakah keseluruhan perbelanjaan negara untuk melibatkan diri di dalam ekspo terulung ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2010, astaka Malaysia di Ekspo Dunia Shanghai telah berjaya mencatatkan sejumlah 693,868 orang pelawat dengan purata 22,382 orang pelawat setiap sehari.

Secara perbandingan jumlah pelawat ke beberapa astaka negara lain, Thailand telah menerima 880,000 pelawat sementara Australia dan Indonesia masing-masing menerima 1 juta pelawat pada bulan pertama pameran.

Secara keseluruhannya, negara membelanjakan RM35 juta bagi pembinaan dan operasi astaka Malaysia di Ekspo Dunia Shanghai yang berlangsung selama enam bulan.

SJ.B/(42)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (GUA MUSANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 15.06.2010

SOALAN NO 23

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah sebenar kerugian yang besar Syarikat Sime Darby melalui pelaburannya di Qatar dan projek hidroelektrik Bakun memandangkan Amanah Saham Nasional dan Bumiputra merupakan pelabur yang penting dalam syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perincian peruntukan kerugian yang telah dibuat oleh Sime Darby Berhad (Sime Darby) bagi 4 projek di bawah Bahagian Tenaga & Utilitinya bagi tempoh dari permulaan setiap projek sehingga suku ketiga tahun kewangan 2010 (berakhir 31 Mac 2010) adalah seperti berikut:

a) RM689 juta untuk projek Qatar Petroleum (QP);

b) RM300 juta untuk projek Maersk Oil Qatar (MOQ);
c) RM155 juta untuk projek Marin;
d) RM580 juta untuk projek Bakun;

2. Projek QP telah diperolehi pada April 2006 dan dijadualkan siap pada Ogos 2008. Walau bagaimanapun, projek tersebut telah mengalami beberapa kelewatan dan lebihan kos yang mengakibatkan kerugian. Bahagian Tenaga & Utiliti masih lagi dalam rangka perbincangan dengan klien projek QP bagi tuntutan kos lebihan tersebut.

3. Projek MOQ pula telah diperolehi pada Januari 2007 dan dijadualkan siap pada Oktober 2009. Terdapat beberapa kelewatan dan lebihan kos yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM526 juta untuk sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010. Jumlah kerugian projek sehingga kini ialah RM300 juta. Projek MOQ masih berjalan dan perundingan juga masih diteruskan dengan pihak klien.

4. Projek Marin membabitkan pembinaan dua buah kapal tunda dan sebuah tongkang tunda *(Derrick Lay barge)* untuk digunakan dalam Projek MOQ. Terdapat kelewatan dalam penyerahan tongkang tunda tersebut dan Lembaga Pengarah Sime Darby telah membuat peruntukan kerugian berjumlah RM155 juta. Pihak pengurusan sedang mengkaji semua opsyen yang ada pada masa ini.

5. Projek empangan hidroelektrik Bakun (Sime Engineering Sdn Bhd memegang kepentingan efektif sebanyak 35.7%) telah diperolehi pada September 2002 serta dijadualkan siap pada September 2007. Walau

bagaimanapun, disebabkan beberapa faktor projek tersebut telah tertangguh dan kos telah meningkat. Peruntukan kerugian yang telah dibuat bagi projek tersebut sehingga kini adalah sebanyak RM580 juta. Projek ini masih berjalan dan tarikh siap yang baru masih dalam perbincangan. Projek ini kini berada pada tahap 96% siap secara fizikal. Fasa kritikal projek yang seterusnya ialah pembendungan *(impoundment)* empangan tersebut, dimana Sarawak Hidro Sdn Bhd akan mengesahkan tarikhnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
Tarikh	15 Jun 2010 (Selasa)
Soalan	[No. 24]

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) telah melaporkan bahawa Malaysia telah mengimport 183,500 tan getah asli pada suku tahun pertama 2010. Adakah perkembangan ini akan mengubah kedudukan negara daripada Pengeksport Getah Asli kepada Pengimport Getah Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih merupakan antara negara pengeluar dan pengeksport getah asli utama dunia. Memandangkan eksport getah asli bergantung kepada tahap pengeluaran tempatan, usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keluasan penanaman getah dengan sasaran 168,000 hektar mulai tahun ini sehingga 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran getah asli negara pada tahun 2009 adalah berjumlah 857,018 tan metrik dan eksport getah asli berjumlah 703,051 tan metrik bernilai RM4.46 bilion.

Pada tahun 2009, 738,739 tan metrik getah asli bernilai RM4.45 bilion telah diimport untuk memenuhi keperluan industri produk celupan lateks seperti sarung tangan getah asli, kateter dan kondom serta untuk diproses sebagai getah piawaian Malaysia *(Standard Malaysian Rubber*- SMR).

Getah asli import ini adalah untuk pemprosesan dan pengilangan barangan bernilai tambah berasaskan getah. Sebanyak RM10.59 bilion barangan berasaskan getah telah dieksport, manakala import barangan berasaskan getah hanya bernilai RM2.81 bilion. Secara keseluruhannya, Malaysia masih memperolehi hasil eksport bersih bernilai RM3.33 bilion daripada aktiviti pengimportan dan pemprosesan produk getah bernilai tambah.

SOALAN NO : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	DATO[1] HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU]
T ARIKH SOALAN	15 JUN 2010

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan pakar mata memandangkan ketika ini Malaysia hanya mempunyai 435 orang pakar bedah mata yang bertugas di hospital Kerajaan dan swasta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya sedar akan masalah kekurangan tenaga Pegawai Perubatan Pakar di negara ini bukan sahaja dalam bidang Pakar Mata (Oftalmologi) malah dalam hampir kesemua bidang kepakaran. Justeru, mulai tahun 2008, Kerajaan telah mengambil langkah menambah bilangan pemberian Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Pegawai Perubatan untuk mengikuti program Sarjana Perubatan dalam bidang kepakaran yang diperlukan daripada 450 kepada 600 setahun. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 30 tempat adalah disediakan bagi Sarjana / Kepakaran dalam bidang Oftalmologi. Jumlah ini merupakan angka yang signifikan dalam usaha Kerajaan untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang yang kritikal ini.

Selain daripada itu, KKM juga mendapatkan khidmat Pegawai Perubatan Pakar Warganegara selepas bersara wajib dan juga Pegawai Perubatan Pakar Bukan Warganegara secara lantikan kontrak untuk menampung kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Sehingga 6 Mei 2010, terdapat seramai 22 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam bidang Oftalmologi yang berkhidmat secara kontrak di

Soalan No : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**LISAN**
DARIPADA	**Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU)**
TARIKH	**15.06.2010**

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah anak yang "tidak sah taraf" yang sedang belajar dari Tahun Satu hingga Tahun Enam di seluruh Sekolah Rendah seluruh negara pada tahun 2010 mengikut pecahan negeri-negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga 31 Januari 2010, menunjukkan bilangan kanak-kanak yang tidak sah taraf dari Tahun 1 hingga Tahun 6 di sekolah rendah seluruh negara adalah seramai 2126 orang murid.

NO. SOALAN^

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS **(2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH 15 JUN 2010

SOALAN:

TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang sejauh mana keperluan dan persediaan Kerajaan dalam memastikan dan memperuntukkan Undang-Undang murtad dan juga langkah-langkah Kerajaan untuk menghalang orang Islam daripada menjadi murtad.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil serius mengenai gejala murtad yang berlaku di kalangan umat Islam di negara ini. Setakat ini, tiada peruntukan undang-undang murtad di negeri-negeri kecuali di Negeri Sembilan.

Dalam penggubalan sesuatu undang-undang, penelitian yang mendalam dan menyeluruh perlu dibuat dengan mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan kepentingan serta hak setiap individu pelbagai kaum dan agatna. Ini adalah kerana undang-undang yang berkaitan dengan murtad adalah satu perkara yang amat sensitif dan melibatkan hak kebebasan beragama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Salah satu langkah Kerajaan untuk menghalang orang Islam daripada menjadi murtad adalah melalui penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Di samping itu, Kerajaan juga telah, sedang dan akan berusaha untuk memantapkan aqidah umat Islam melalui pelbagai program yang bersepadu dan terancang bagi membendung dan menangani gejala murtad di negara ini.

Antara langkah dan program bagi menghalang orang Islam daripada menjadi murtad ialah:

a) mewujudkan Pusat Pemantapan Akidah di Jelebu, Negeri Sembilan;
b) menganjurkan kursus dan seminar kefahaman Islam;
c) mengadakan program Lawatan dan Ziarah Kasih ke perkampungan Orang Asli bagi merapatkan hubungan silaturrahim serta memantapkan pegangan Akidah Islam;
d) JAKIM dengan kerjasama Agensi Agama Negeri (JAIN/MAIN) telah menempatkan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) seramai 265 orang dan mubaligh di perkampungan Orang Asli seluruh negara. Mereka bertanggungjawab memberikan kefahaman Islam kepada masyarakat Orang Asli Muslim serta memberi pendidikan Islam agar mereka menjadi muslim yang mantap dan kukuh imannya; dan
e) pada masa yang sama, JAKIM turut mendapat kerjasama daripada

Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam, bagi mendekati masyarakat Orang Asli dan memberi tunjuk ajar mengenai Islam kepada mereka merangkumi akidah, ibadah dan muamalah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 28

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH

LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] 15 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap kerja yang telah disiapkan untuk Jambatan Kedua Pulau Pinang dan kenapa jumlah kos pembinaan telah dinaikan ke RM4.5 bilion dan adakah jumlah ini termasuk kos membina *'casting yard'.*

JAWAPAN:

Sehingga 23 April 2010, tahap kerja yang telah disiapkan bagi kerja-kerja fizikal untuk Jambatan Pulau Pinang Kedua adalah seperti berikut:

a. Pakej 1: 13.39%
b. Pakej 2: 16.51%
c. Pakej 3: Masih dalam proses tender dan telah mula dinilai pada 19 Mac 2010

Kos pembinaan projek adalah tidak berubah dan kekal sebanyak RM4,500 juta. Kos tersebut juga termasuk kos membina 'casting yard' oleh kedua- dua kontraktor iaitu CHEC Construction (M) Sdn. Bhd. dan UEM Builders Berhad.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS **(2010)**

NO. SOALAN: 19

PERTANYAAN TARIKH DARIPADA

SOALAN :

LISAN

15 JUN 2010 [RABU]

Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING]

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bayaran zakat yang dikeluarkan Tabung Haji (TH) dalam tempoh lima tahun iaitu 2005-2009 dan jumlah pengagihan kepada negeri-negeri.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ***TH*** telah mengeluarkan bayaran zakat berjumlah RM161.73 juta bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2005 hingga 2009. Semua bayaran zakat telah

diserah kepada Majlis Ugama Islam Negeri, Pusat Pungutan Zakat negeri dan asnaf-asnaf yang layak.

Pecahan bayaran/agihan zakat mengikut negeri bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jumlah (2005-2009) RM Juta
1	Selangor	31.14
2	Wilayah Persekutuan	27.04
3	Johor	14.86
4	Kelantan	13.60
5	Kedah	13.67
6	Terengganu	12.87
7	Perak	11.76
8	Pahang	9.32
9	Pulau Pinang	7.24
10	Negeri Sembilan	6.47
11	Melaka	5.12
12	Sarawak	3.39
13	Sabah	3.03
14	| Perlis	2.22

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK SIRINGAN BINGUBAT [RANAU]
TARIKH	15 JUN 2010
SOALAN	

DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan perkembangan terkini cadangan untuk membina sebuah hospital lagi di daerah Ranau dan bilakah ia dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa kini tiada perancangan untuk membina sebuah lagi hospital baru di daerah Ranau memandangkan perkhidmatan kesihatan yang disediakan pada masa kini masih dapat menampung keperluan perkhidmatan di daerah tersebut.

Selaras dengan itu, kementerian telah menaiktaraf fasiliti kesihatan di hospital sedia ada. Di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi I, sejumlah RM 572,306.68 telah dibelanjakan untuk kerja tambahan pengubahsuaian dan menaiktaraf Bilik *Autoclave* Unit Sucihama, naiktaraf Unit Farmasi, wad pengasingan, memasang pagar, naiktaraf Unit Tabung Darah, pemusatan bekalan oksigen di wad dan naiktaraf Taman Teraputik. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi II tahun 2009 pula, sejumlah RM 500,000 telah dibelanjakan untuk membuat *Drop Zone* dan pengubahsuaian tempat menunggu kenderaan di Unit Kecemasan dan juga kerja-kerja membaiki bumbung. Bagi pembelian peralatan perubatan, sebanyak RM 451,050.00 telah dibelanjakan. Pada tahun 2010, sebanyak RM 304,007.00 telah diluluskan untuk kerja-kerja menaiktaraf Hospital Ranau sedia ada.

Kementerian juga telah mengenalpasti sebidang tanah kepunyaan kerajaan negeri di sebelah Hospital Ranau untuk pembinaan fasiliti baru sejajar dengan perkembangan perkhidmatan yang dirancang. Tanah seluas 4 ekar akan diperolehi tidak lama lagi.

Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	LISAN
PERTANYAAN DARIPADA	Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)
TARIKH	15.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah caranya Kerajaan tidak akan meminggirkan sekolah-sekolah rendah aliran Cina dan Tamil dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh memandangkan rancangan-rancangan sebelum ini gagal menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi sekolah-sekolah ini. Bagaimanakah cara Kerajaan merangka peruntukan pembangunan bagi setiap jenis sekolah rendah serta nyatakan pelan dan strategi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlarutan di SJK Cina dan Tamil seperti pembinaan sekolah baru, kekurangan tanah untuk bangunan tambahan, kekurangan guru-guru berkelayakan dan agihan sumber yang sama rata.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaiktaraf semua sekolah-sekolah di negara ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan serta keupayaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan infrastruktur fizikal dan guru-guru yang berkelayakan dan mencukupi.

NO. SOALAN:^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]
TARIKH	15 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah isi kandungan minyak mentah dan gas yang dihasilkan di setiap telaga minyak di perairan Sabah dan jangka masa hasil telaga- telaga ini akan kering serta sama ada penerokaan telaga baru minyak dan gas ini sudah dikenal pasti dan berapa jumlah isi kandungannya.

JAWAPAN:

Anggaran rizab minyak mentah di luar pantai negeri Sabah pada 1 Januari 2009 adalah kira-kira 2.3 bilion tong manakala anggaran rizab bagi gas asli pula adalah kira-kira 12.1 trilion kaki padu. Purata kadar pengeluaran minyak mentah di luar pantai Sabah adalah kira-kira 147 ribu tong sehari manakala bagi gas asli pula adalah kira-kira 295 juta kaki padu sehari. Berdasarkan kadar pengeluaran ini, jangka hayat bagi rizab minyak mentah adalah dianggarkan selama 43 tahun dan jangka hayat bagi gas asli adalah dianggarkan 30 tahun.

Aktiviti-aktiviti penerokaan akan terus dijalankan oleh PETRONAS untuk mencari medan-medan minyak dan gas baru, bukan sahaja di luar pantai

Sabah tetapi di lokasi-lokasi lain di Malaysia serta di negara lain. Langkah ini penting bagi memastikan sumber serta rizab minyak dan gas negara akan dapat ditingkatkan untuk menampung permintaan yang terus bertambah dari semasa ke semasa.

No:33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DR. LO' LO' BINTI MOHAMADGHAZALI [TITIWANGSA - PAS]
TARIKH	**15 JUN 2010 (SELASA)**

SOALAN NO. 33

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa - PAS] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kenapakah pemain-pemain sukan kita kurang kesungguhan dan stamina, kurang daya tahan dan kekuatan mental berbanding dengan pemain-pemain lawan terutama setelah mendapat pengiktirafan dan penghargaan sama ada dalam bentuk wang ringgit, hartanah dan gelaran.

JAWAPAN

1. Persepsi atau dakwaan mengenai para atlet negara dikatakan kurang kesungguhan dan stamina, kurang daya tahan dan kekuatan mental setelah mendapat pengiktirafan dan penghargaan adalah kurang tepat. Di mana, segala insentif dan pengiktirafan yang diberi sama ada oleh Kerajaan mahu pun lain-lain pihak, ia merupakan salah satu bentuk penghargaan ke atas usaha dan kejayaan atlet dalam mencapai sesuatu kejayaan yang sekali gus menjulang nama negara di persada antarabangsa. Dengan adanya insentif sedemikian, maka akan dapat memberi dorongan kepada atlet negara yang lain untuk menggandakan usaha demi mencapai sesuatu kejayaan terutamanya di kejohanan peringkat dunia.
2. Sebaliknya, kejayaan para atlet menentang lawan bergantung kepada banyak faktor terutamanya landskap pertandingan yang mana pada masa ini didapati bilangan atlet yang berjaya di persada antarabangsa kian bertambah bilangannya seperti badminton, sukan berbasikal, akuatik

(terjun dan renang), boling padang dan memanah. Keadaan ini secara langsung akan memberi tentangan hebat kepada para atlet negara dalam memburu sesuatu kemenangan.

NO.AUM : 35
NO.AUP : Zy

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

TARIKH 15 JUN 2010

RUJUKAN 2708

SOALAN:

Tuan Tony Pua Klam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab Kementerian enggan memberikan "jadual terperinci" mengenai indeks kadar jenayah mengikut tahun, jenis jenayah dan kawasan/negeri walaupun diminta dalam soalan jawapan bertuiis kedua-dua sesi yang lalu. Sebaliknya, Menteri hanya memberi jawapan ringkas dan deskriptif sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sepanjang pengetahuan saya, pihak Kementerian dan PDRM sendiri telah memberikan statistik jenayah secara terperinci sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada statistik yang diberikan itu tidak menepati format yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian bersedia mengemukakan statistik berkenaan.

KRA GROUP

WITH COMPLIMENTS

1 August 2008

Dear YB Tony Pua,

We are sending you a copy of Jeffrey Sachs book entitled Common Wealth: Economics for a crowded planet.

Hope you like the book.

Best regards,

Aurelia Harumal
Head, Public Affairs

~~2.8~~ Ebon

1.5 P. Dinamy.

3.655

STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI JENAYAH BAGI TAHUN 2010 (sehingga Mei)

KESALAHAN	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KUALA LUMPUR	SELANGOR	NEGERI SEM BILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	T'GANU	PAHANG	SABAH	S'WAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN															
BUNUH	1	19	39	30	47	112	24	16	76	6	6	5	70	46	497
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI				5	2	5			8				–	20	40
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI		44	86	78	308	637	58	63	418	6	2	26	49	67	1,842
SAMUN BERSENJATAPI		13	53	15	26	153	9	4	17		2	6	3	16	317
SAMUN TAN PA SENJATAPI	16	336	879	944	2,546	4,443	484	218	2,345	51	23	175	441	309	13,210
ROGOL	19	167	69	148	111	366	95	69	311	87	84	89	161	111	1,887
MENCEDERAKAN	41	267	359	426	412	1,044	196	148	516	173	104	79	220	261	4,246
JUM. JEN. KEKERASAN	**77**	**846**	**1,485**	**1,646**	**3,452**	**6,760**	**866**	**518**	**3,691**	**323**	**221**	**380**	**944**	**830**	**22,039**
JENAYAH HARTABENDA PECAH RUMAH & CURI SIANG	13	405	269	396	625	2,524	389	253	666	213	202	237	347	384	6,923
PECAH RUMAH & CURI MALAM	80	1,717	791	1,405	1,220	4,283	831	503	2,209	795	986	570	1,048	1,104	17,542
CURI MOTOLORI / VAN	3	54	110	153	969	2,448	70	69	705	39	23	81	237	546	5,507
CURI MOTOKAR	10	228	446	303	2,200	3,551	160	144	1,394	229	95	111	187	653	9,711
CURI MOTOSIKAL	204	3,742	4,935	3,035	5,838	13,713	1,486	1,274	9,984	1,863	1,992	1,006	249	2,388	51,709
CURI RAGUT	21	572	1,220	824	1,737	2,194	185	359	1,186	246	106	231	227	509	9,617
LAIN - LAIN KECURIAN	109	2,620	2,256	3,006	3,649	9,048	1,355	1,173	3,669	717	899	901	2,566	2,349	34,317
JUM. JEN. HARTABENDA	**440**	**9,338**	**10,027**	**9,122**	**16,238**	**37,761**	**4,476**	**3,775**	**19,813**	**4,102**	**4,303**	**3,137**	**4,861**	**7,933**	**135,326**
JUMLAH KESELURUHAN	**517**	**10,184**	**11,512**	**10,768**	**19,690**	**44,521**	**5,342**	**4,293**	**23,504**	**4,425**	**4,524**	**3,517**	**5,805**	**8,763**	**157,365**

STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI JENAYAH BAGI TAHUN 2010 (sehingga Mei)

KESALAHAN	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KUALA LUMPUR	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	TEREGGANU	PAHANG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN	3	20	46	46	71	158	18	10	59	13	6	20	83	53	606
BUNUH															
ROGOL	26	223	117	181	147	455	109	112	343	148	124	150	200	119	2,454
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI	·	7	1	1	5	13	·	2	14	·	1	1	2	20	67
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI		63	169	122	533	911	58	70	564	12	10	34	64	113	2,723
SAMUN BERSENJATAPI	1	31	38	12	18	85	10		31		2	7	6	7	248
SAMUN TANPASENJATAPI	13	464	1,144	1,215	4,431	6,488	747	291	3,364	64	82	258	499	407	19,467
MENCEDERAKAN	74	358	475	508	644	1,408	241	201	725	246	161	139	301	362	5,843
JUM. JEN. KEKERASAN	**117**	**1,166**	**1,990**	**2,085**	**5,849**	**9,518**	**1,183**	**686**	**5,100**	**483**	**386**	**609**	**1,155**	**1,081**	**31,408**
JENAYAH HARTABENDA	128	1,721	3,014	2,740	8,542	8,756	2,189	1,910	3,677	609	908	2,495	2,671	3,112	42,472
LAIN-LAIN KECURIAN															
CURI MOTOLORI / VAN	2	72	98	169	819	3,000	96	72	987	60	41	91	276	555	6,338
CURI MOTOKAR	11	329	417	383	2,136	3,727	186	178	2,189	267	149	125	239	818	11,154
CURI MOTOSIKAL	389	5,023	7,105	3,682	7,192	17,386	1,720	1,360	10,604	2,498	2,381	2,129	341	3,652	65,462
CURI RAGUT	11	333	1,167	659	3,867	2,237	288	216	980	223	180	178	232	503	11,074
PECAH RUMAH & CURI SIANG	13	313	422	566	1,294	2,785	532	401	819	230	225	407	392	393	8,792
PECAH RUMAH & CURI MALAM	108	1,264	1,055	1,643	2,041	3,984	1,126	675	2,642	952	1,135	1,065	1,095	1,295	20,080
JUM. JEN. HARTABENDA	**662**	**9,055**	**13,278**	**9,842**	**25,891**	**41,875**	**6,137**	**4,812**	**21,898**	**4,839**	**5,019**	**6,490**	**5,246**	**10,328**	**165,372**
JUMLAH KESELURUHAN	**779**	**10,221**	**15,268**	**11,927**	**31,740**	**51,393**	**7,320**	**5,498**	**26,998**	**5,322**	**5,405**	**7,099**	**6,401**	**11,409**	**196,780**

STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI JENAYAH BAGI TAHUN 2010 (sehingga Mei)

KESALAHAN	PERUS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KUALA LUMPUR	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	TEREGGANU	PAHANG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN	1	21	50	46	67	147	22	5	68	16	15	18	68	46	590
BUNUH															
ROGOL	28	311	161	228	228	609	155	135	478	164	141	202	204	132	3,176
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI	1	2	2	3	3	29	4		6	1	2	1		21	75
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI	3	119	403	346	1,041	3,033	261	118	1,284	9	24	92	245	115	7,093
SAMUN BERSENJATAPI	3	14	17	14	30	83	6	_	20	2	1	1	1	5	197
SAMUN TANPASENJATAPI	12	696	1,079	1,021	3,818	5,818	533	256	2,758	84	82	191	396	491	17,235
MENCEDERAKAN	42	498	563	572	740	1,602	249	207	776	309	146	213	389	487	6,793
JUM. JEN. KEKERASAN	**90**	**1,661**	**2,275**	**2,230**	**5,927**	**11,321**	**1,230**	**721**	**5,390**	**585**	**411**	**718**	**1,303**	**1,297**	**35,159**
JENAYAH HARTABENDA	167	2,908	4,324	2,881	6,234	10,131	2,227	1,520	3,991	982	1,029	2,377	3,134	2,741	44,646
LAIN-LAIN KECURIAN															
CURI MOTOLORI / VAN	2	69	87	145	603	2,157	111	36	708	86	22	102	230	689	5,047
CURI MOTOKAR	13	457	437	467	2,391	4,368	256	153	1,987	501	108	122	203	965	12,428
CURI MOTOSIKAL	381	4,973	6,484	4,565	7,604	18,962	1,838	1,852	10,790	2,224	2,337	2,170	278	3,148	67,606
CURI RAGUT	17	763	1,222	456	2,867	2,855	397	184	780	305	173	264	285	538	11,106
PECAH RUMAH & CURI SIANG	8	371	383	562	1,356	3,305	485	305	631	246	266	279	454	509	9,160
PECAH RUMAH & CURI MALAM	82	1,985	1,449	1,553	2,491	5,493	1,191	695	2,564	1,262	1,317	1,258	1,366	1,724	24,430
JUM. JEN. HARTABENDA	**670**	**11,526**	**14,386**	**10,629**	**23,546**	**47,271**	**6,505**	**4,745**	**21,451**	**5,606**	**5,252**	**6,572**	**5,950**	**10,314**	**174,423**
JUMLAH KESELURUHAN	**760**	**13,187**	**16,661**	**12,859**	**29,473**	**58,592**	**7,735**	**5,466**	**26,841**	**6,191**	**5,663**	**7,290**	**7,253**	**11,611**	**209,582**

STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI JENAYAH BAGI TAHUN 2010 (sehingga Mei)

KESALAHAN	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KUALA LUMPUR	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	TEREGGANU	PAHANG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN	3	26	46	58	55	185	29	14	98	15	6	13	67	39	654
BUNUH															
ROGOL	46	309	183	237	186	643	199	129	571	250	150	206	240	145	3,494
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI	7	15	13	5	24	50	8	1	12	18	2	5	2	20	182
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI	4	557	1,121	1,191	4,661	7,848	784	341	3,799	66	68	288	568	508	21,804
SAMUN BERSENJATAPI	5	11	1	12	4	19	6	.	4	10	3	1			76
SAMUN TANPASENJATAPI	7	357	411	242	896	1,399	137	150	661	116	53	79	163	288	4,959
MENCEDERAKAN	57	467	447	489	562	1,562	261	228	820	351	143	240	410	611	6,648
JUM. JEN. KEKERASAN	**129**	**1,742**	**2,222**	**2,234**	**6,388**	**11,706**	**1,424**	**863**	**5,965**	**826**	**425**	**832**	**1,450**	**1,611**	**37,817**
JENAYAH HARTABENDA	143	2,506	3,788	2,454	4,803	8,869	1,812	1,503	3,973	962	1,324	2,293	3,465	3,320	41,215
LAIN-LAIN KECURIAN															
CURI MOTOLORI / VAN/ J'BERAT	6	92	151	161	813	2,714	151	58	759	100	34	163	310	751	6,263
CURI MOTOKAR	8	682	753	530	3,178	5,458	382	142	1,745	763	186	143	244	984	15,198
CURI MOTOSIKAL	429	5,311	6,147	4,689	7,285	17,711	1,847	1,763	10,827	3,268	2,280	1,999	468	3,335	67,359
CURI RAGUT	17	589	1,103	387	2,181	1,840	272	191	15	315	230	248	419	398	8,205
PECAH RUMAH & CURI SIANG	13	238	497	593	1,449	3,836	368	234	70	127	.	272	599	822	9,118
PECAH RUMAH & CURI MALAM	63	1,947	1,990	1,533	2,341	5,618	1,412	852	3,270	1,388	1,516	1,289	1,543	1,708	26,470
JUM. JEN. HARTABENDA	**679**	**11,365**	**14,429**	**10,347**	**22,050**	**46,046**	**6,244**	**4,743**	**20,659**	**6,923**	**5,570**	**6,407**	**7,048**	**11,318**	**173,828**
JUMLAH KESELURUHAN	**808**	**13,107**	**16,651**	**12,581**	**28,438**	**57,752**	**7,668**	**5,606**	**26,624**	**7,749**	**5,995**	**7,239**	**8,498**	**12,929**	**211,645**

STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI JENAYAH BAGI TAHUN 2010 (sehingga Mei)

KESALAHAN	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KUALA LUMPUR	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	TEREGGANU	PAHANG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN	2	32	52	53	64	139	14	12	73	8	6	24	69	50	598
BUNUH															
ROGOL	45	377	178	252	153	675	210	102	646	313	174	223	261	207	3,816
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI	14	14	6	12	31	22	4	1	5	4	.	4	.	11	128
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI	7	572	1,063	1,300	6,224	7,635	960	243	5,037	138	86	279	407	572	24,523
SAMUN BERSENJATAPI	3	3	2	3	19	8	10	1		4		1		1	55
SAMUN TANPA SENJATAPI	5	316	335	229	926	1,045	206	113	1,325	54	43	62	128	149	4,936
MENCEDERAKAN	59	459	409	515	598	1,527	276	206	816	361	115	257	480	604	6,682
JUM. JEN. KEKERASAN	**135**	**1,773**	**2,045**	**2,364**	**8,015**	**11,051**	**1,680**	**678**	**7,902**	**882**	**424**	**850**	**1,345**	**1,594**	**40,738**
JENAYAH HARTABENDA	121	2,408	3,423	2,044	7,335	8,550	1,297	1,506	3,977	827	844	1,685	2,939	2,918	39,874
LAIN-LAIN KECURIAN															
CURI MOTOLORI / VAN	10	119	246	304	718	2,378	96	58	618	60	36	160	280	637	5,720
CURI MOTOKAR	28	525	778	681	3,107	4,394	263	225	1,716	782	210	216	277	686	13,888
CURI MOTOSIKAL	397	4,944	6,176	4,623	6,206	15,466	1,853	1,510	8,698	2,835	2,484	2,163	663	3,036	61,054
CURI RAGUT	8	563	1,199	482	3,312	2,030	268	228	82	391	131	172	336	485	9,687
PECAH RUMAH & CURI SIANG	34	362	489	541	1,828	4,711	496	307	84	356	201	317	572	1,098	11,396
PECAH RUMAH & CURI MALAM	62	2,142	2,297	1,515	2,725	5,863	1,459	1,015	2,958	1,173	989	1,083	1,677	2,102	27,060
JUM. JEN. HARTABENDA	**660**	**11,063**	**14,608**	**10,190**	**25,231**	**43,392**	**5,732**	**4,849**	**18,133**	**6,424**	**4,895**	**5,796**	**6,744**	**10,962**	**168,679**
JUMLAH KESELURUHAN	**795**	**12,836**	**16,653**	**12,554**	**33,246**	**54,443**	**7,412**	**5,527**	**26,035**	**7,306**	**5,319**	**6,646**	**8,089**	**12,556**	**209,417**

STATISTIK JENAYAH INDEKS MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI JENAYAH BAGI TAHUN 2010 (sehingga Mei)

KESALAHAN	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK	KUALA LUMPUR	SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	TEREGGANU	PAHANG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN		6	19	16	29	72	9	5	20	9	1	6	38	18	248
BUNUH															
ROGOL	14	161	72	132	60	304	79	34	242	126	60	89	106	81	1,560
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI	3	4	1	7	98	4	2		6		1			3	129
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI	2	234	404	392	1,461	2,471	375	123	1,082	43	48	114	162	239	7,150
SAMUN BERSENJATAPI	3	1		1	22	2						.		1	30
SAMUN TANPA SENJATAPI	3	107	142	97	325	402	75	49	210	28	50	24	59	49	1,620
MENCEDERAKAN	24	166	197	225	457	603	93	92	336	174	46	89	196	263	2,961
JUM. JEN. KEKERASAN	**49**	**679**	**835**	**870**	**2,452**	**3,858**	**633**	**303**	**1,896**	**380**	**206**	**322**	**561**	**654**	**13,698**
JENAYAH HARTABENDA	32	997	1,248	728	2,545	3,015	426	482	1,483	370	377	599	1,262	1,401	14,965
LAIN-LAIN KECURIAN															
CURI MOTOLORI / VAN	5	53	75	88	277	983	66	23	188	36	9	58	101	206	2,168
CURI MOTOKAR	5	222	207	237	1,366	1,915	114	101	650	307	53	73	90	174	5,514
CURI MOTOSIKAL	136	1,947	1,744	1,756	2,160	5,733	784	727	2,949	1,104	638	793	343	1,289	22,103
CURI RAGUT		227	512	91	919	520	25	56	39	105	25	38	60	238	2,855
PECAH RUMAH & CURI SIANG	10	143	206	131		1,865	152	157	13	182	81	173	270	510	3,893
PECAH RUMAH & CURI MALAM	16	794	814	541	1,987	2,130	405	324	816	427	357	458	768	985	10,822
JUM. JEN. HARTABENDA	**204**	**4,383**	**4,806**	**3,572**	**9,254**	**16,161**	**1,972**	**1,870**	**6,138**	**2,531**	**1,540**	**2,192**	**2,894**	**4,803**	**62,320**
JUMLAH KESELURUHAN	**253**	**5,062**	**5,641**	**4,442**	**11,706**	**20,019**	**2,605**	**2,173**	**8,034**	**2,911**	**1,746**	**2,514**	**3,455**	**5,457**	**76,018**

No: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]

TARIKH 15 Jun 2010 (Selasa)

SOALAN 35

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI PENGANGKUTAN
menyatakan apakah tindakan dan penguatkuasaan yang telah dibuat atau akan dibuat agar pengusaha bot-bot laju yang membawa penumpang dari Labuan-Menumbok, Sabah-Labuan sentiasa mematuhi aspek keselamatan, selain memastikan mereka melengkapkan penumpang dengan insurans perlindungan diri.

Tuan Yang Dipertua,

Bot-bot yang mengendalikan perkhidmatan dari Menumbok, Sabah ke Wilayah Persekutuan Labuan adalah dilesenkan oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah, yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah. Tindakan penguatkuasaan ke atas bot-bot ini dilakukan oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah dengan kerjasama Jabatan Laut Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan agar pemilik-pemilik bot ini mematuhi aspek keselamatan yang ditetapkan.

Di antara program dan tindakan yang dijalankan adalah rondaan penguatkuasaan ke atas bot-bot kecil semasa pelayaran di laut, kursus-kursus kompetensi kepada operator feri, pemeriksaan terhadap peralatan keselamatan sekurang-kurangnya sekali setahun dan pemeriksaan keselamatan kepada bot-bot kecil (kelas penumpang) setiap kali sebelum pelepasan bot.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]
TARIKH	15JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai setiap projek dan peruntukan wang yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat kepada rakyat dalam setiap kempen pilihan raya kecil sejak 2008, status pembangunan projek-projek tersebut dan wang yang masih di hutang untuk setiap peruntukan wang yang dijanjikan.

JAWAPAN:

Sejak Pilihanraya Umum Ke-12 pada tahun 2008 yang lalu, sebanyak 11 pilihanraya kecil diadakan iaitu di DUN Bukit Selambau (Kedah), Parlimen Bukit Gantang (Perak), Parlimen Kuala Terangganu (Terengganu), DUN Manek Urai (Kelantan), Parlimen Permatang Pauh, DUN Penanti dan DUN Permatang Pasir (Pulau Pinang), DUN Bagan Pinang (Negeri Sembilan), Parlimen Hulu Selangor (Selangor) dan DUN Batang Ai dan Parlimen Sibu (Sarawak).

Program/projek yang dilaksanakan di kawasan pilihanraya kecil ini merupakan program/projek yang telah dirancang oleh Kerajaan terlebih dahulu sebelum pilihanraya kecil tersebut diadakan iaitu sama seperti di kawasan Parlimen dan DUN lain di seluruh negara. Agenda pembangunan Kerajaan dibuat secara terancang dan berterusan tanpa mengira sama ada pilihanraya diadakan atau tidak. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat projek-projek yang memerlukan keutmaan dan dipercepatkan pelaksanaannya.

NO. AUM : 15

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]
TARIKH	15 JUN 2010
RUJUKAN	2706

SOALAN:

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah suruhanjaya siasatan bebas akan diwujudkan bagi menyiasat kes-kes tertembak kerana ada di antaranya anggota yang telah lama berkhidmat dan mempunyai rekod cemerlang tetapi akibat kecuaian, kemalangan yang tidak dapat dielakkan atau pun kesilapannya sewaktu menjalankan tugas maka segalanya ditarik balik dan adalah tidak adil bagi anggota polis tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Bebas seperti saranan Ahli Yang Berhormat bagi menyiasat kes-kes tertembak oleh anggota polis semasa menjalankan tugas.

NO SOALAN : 38

PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN PERTANYAAN

DARIPADA
YB DATO' SERI JAMALUDDIN MOHAMMAD NIZAR BIN

(BUKIT GANTANG)

TARIKH

15.06.2010
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah kebenaran Kementerian telah memperolehi tanah dari Sime Darby di Bagan Datoh untuk dijadikan markas ketenteraan bagi meletakkan projek tentera tambahan di sana.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan Kem di kawasan Bagan Datoh masih di peringkat perancangan. Pelaksanaannya masih tertakluk kepada keupayaan kewangan Kementerian Pertahanan dan juga kesesuaian tapak yang strategik. Kementerian masih mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan Negeri yang sesuai dan belum membuat sebarang perbincangan dengan mana-mana pihak untuk urusan perolehan tanah bagi tujuan tersebut.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN ZULKIFLI NORDIN

[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH 15 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

(a) apakah langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap laporan dan berita palsu atau putar-belit berita atau laporan/kupasan isu sensitif di media portal seperti di Malaysiakini, Malaysia Today dan lain-lain; dan

(b) sila berikan tindakan yang pernah diambil atau sedang diambil setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 membolehkan mana-mana pihak yang menyedia atau mengeluar kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan; samada denda tidak melebihi RM50.000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Selain daripada AKM 1998, pemilik laman web yang menyebarkan laporan dan berita palsu atau putar-belit berita serta laporan/kupasan isu sensitif juga tertakluk kepada Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan.

Sehingga kini, terdapat lapan (8) kes pendakwaan terhadap 10 orang di bawah AKM 1998 berhubung pelbagai kesalahan berkaitan dengan kandungan laman web atau blog. Tiga (3) orang telah mengaku bersalah dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM8,000, RM10,000 dan RM30,000 setiap orang oleh mahkamah. Lima (5) kes masih lagi menunggu tarikh perbicaraan di mahkamah.

Berita palsu juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang berada dalam pengawasan KDN.

NO. SOALAN:40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH	15 JUN 2010

SOALAN

Puan Chong Eng minta PERDANA MENTERI menyatakan pencapaian SPM 2009 termasuk pecahan gred mengikut mata pelajaran bagi 30 penerima Biasiswa Nasional pada tahun 2010.

JAWAPAN YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam telah menawarkan Biasiswa Nasional kepada 30 orang pelajar paling cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 untuk meneruskan pengajian di universiti terkemuka sama ada universiti dalam negara ataupun universiti luar negara mengikut senarai yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pecahan gred

mengikut mata pelajaran 30 penerima Biasiswa Nasional adalah tertakluk di bawah bidang kuasa KPM.

Daripada 452,038 calon yang menduduki SPM 2009, seramai 255 orang calon telah berjaya mendapat semua A+ dalam kesemua mata pelajaran yang diduduki. Semua 255 orang calon yang berjaya mendapat A+ dalam semua mata pelajaran itu telah disusun mengikut ranking pencapaian dari teratas sehingga yang ke 255. Daripada jumlah tersebut, seramai 30 orang calon terbaik telah dipilih untuk menerima Biasiswa Nasional.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA		Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU]
TARIKH		15 JUN 2010

NO. SOALAN :41

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) dapat menyelesaikan masalah pengangkutan awam, terutama di bandar-bandar utama.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan SPAD bertujuan untuk

menambah baik pengangkutan awam supaya lebih efisyen dan cekap melalui penubuhan sistem pengangkutan awam yang terancang, berintegrasi, mudah diakses dan berdaya maju.

Negara-negara maju seperti Singapura, Hong Kong, United Kingdom dan Perancis telah menyelaraskan rangka pengawal seliaan pengangkutan awam bagi memastikan matlamat dan objektif pengangkutan awam dicapai. Dengan penyelarasan tersebut, negara- negara ini telah berjaya mencapai ‘public transport modal share’ lebih daripada 70% berbanding dengan Lembah Klang iaitu 12% ketika ini.

Pada masa ini, terdapat lebih daripada 13 organisasi termasuk badan kerajaan dan agensi lain yang mengawalselia dan membuat perancangan bagi pengangkutan awam darat secara berasingan dengan matlamat dan objektif masing-masing yang berbeza.

Dengan penubuhan SPAD, maka wujudlah satu badan yang mempunyai kuasa untuk membangunkan rancangan induk pengangkutan awam darat negara dan wilayah di mana ianya akan mengambil kira segala aspek seperti liputan rangkaian atau *connectivity* serta *accessibility* sesuatu perkhidmatan.

Dengan berpandukan rancangan tersebut, perkhidmatan yang lebih bersepadu akan dapat dicapai. Sementara itu, Akta Pengangkutan Awam Darat yang memberikan kuasa kepada SPAD akan memperkasakan rejim pengawalseliaan dan penguatkuasaan bagi memastikan segala polisi dilaksanakan, peraturan dan undang-undang dipatuhi.
Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)
TARIKH	15.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan baru-baru ini Menteri telah mengumumkan 20 buah sekolah berprestasi tinggi. Namun tiada satu pun sekolah dari Sabah dan Sarawak termasuk dalam kategori ini. Bolehkah Kementerian menjelaskan kriteria utama untuk dimasukkan dalam kategori sekolah berprestasi tinggi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan kriteria pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah melalui proses dua saringan iaitu;

- SARINGAN PERTAMA adalah berdasarkan skor komposit yang diperoleh oleh sekolah. Skor komposit terdiri daripada Gred Purata Sekolah (GPS) untuk UPSR bagi Sekolah R.endah, dan gabungan PMR, SPM dan STPM untuk sekolah menengah serta skor Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) yang menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang telah diverifikasi. Bagi sekolah-sekolah melepasi sasaran atau *Exceed Target* (ET) iaitu sekolah rendah yang melepasi skor komposit 84 peratus dan sekolah menengah yang melepasi skor komposit 92 peratus boleh dicalonkan untuk diproses dalam Saringan Kedua.

- MELALUI SARINGAN KEDUA pula, sekolah akan dinilai berdasarkan skor kriteria annex. Skor ini dinilai berdasarkan Instrumen Annex yang dibahagikan kepada 5 komponen bagi mengukur;
    i) personaliti unggul yang dihasilkan oleh sekolah;
    ii) anugerah yang diterima pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
    iii) jalinan dengan institusi pengajian tinggi;
    iv) jaringan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
    v) pencapaian berbanding penanda aras di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi sekolah rendah, hanya tiga (3) skor tertinggi daripada 5 komponen, manakala empat (4) skor tertinggi untuk sekolah menengah akan diambii kira untuk pengiraan skor annex. Berdasarkan skor annex inilah, maka sekolah akan di *rank* semula daripada kedudukan tertinggi hingga yang terendah. Daripada kedudukan itulah kita memilih SBT seperti kumpulan pertama sebanyak 20 buah sekolah yang telah diumumkan baru-baru ini. Untuk makluman, ranking untuk Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah adalah berasingan. Sehubungan itu, ingin ditegaskan bahawa daripada kaedah pemilihan yang diterangkan jelas menunjukkan pemilihan SBT tidak berdasarkan negeri, lokasi dan jenis sekolah seperti yang dibangkitkan.

Rjm 23

NO. SOALAN:43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

NO. SOALAN: 28

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH 15 JUN 2010

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah anak-anak Sarawak yang diterima dalam biasiswa JPA, MARA, dan Petronas bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara dan dari jumlah tersebut berapakah jumlah pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar Sarawak.

JAWAPAN YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATANPERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelajar Sarawak mengikut kaum yang ditawarkan biasiswa JPA di luar negara dari tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti berikut:

JUMLAH PELAJAR SARAWAK YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2009			
TAHUN	BILANGAN PELAJAR SARAWAK		JUMLAH KESELURUHAN
	BILANGAN BUMIPUTERA	BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA	
2007	53	171	**224**
2008	68	121	**189**
2009	107	143	**250**

Bagi penajaan PETRONAS, jumlah tawaran biasiswa luar negara yang ditaja dari tahun 2007 hingga 2009, **secara keseluruhannya** (kerana PETRONAS tidak mengumpul maklumat mengikut etnik dan negeri) adalah seperti berikut:

TAWARAN BIASISWA LUAR NEGARA DARI TAHUN 2007 HINGGA 2009				
	2007	**2008**	**2009**	**Jumlah**
Bumiputera	135	70	114	319
Bukan Bumiputera	17	36	16	69
Jumlah	**152**	**106**	**130**	**388**

Bagi penajaan MARA, **jumlah anak-anak Sarawak** yang diterima dalam biasiswa MARA bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara ialah seramai 183 orang sejak tahun 2005.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
TAR1KH	15 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN	NO.44

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kejayaan Kolej Komuniti dalam membantu membangunkan kerjaya pelajar-pelajar yang tidak berjaya memasuki IPTA/IPTS dan pembelajaran sepanjang hayat. Apakah bidang-bidang pengkhususan yang diberi tujahan dalam Kolej Komuniti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan penubuhan kolej komuniti adalah untuk menawarkan peluang pengajian dan latihan kepada komuniti setempat dan lepasan sekolah menengah sebelum mereka ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Kolej komuniti juga berperanan membantu kerajaan dalam meningkatkan tahap kemahiran dan ilmu kepada rakyat Malaysia, khasnya masyarakat setempat dalam usaha melahirkan lebih ramai tenaga separa profesional bagi tujuan pembangunan negara di samping meningkatkan tahap sosio ekonomi isi rumah.

Sehingga Jun 2010, kementerian telah mewujudkan 53 buah kolej komuniti induk, di mana 42 buah telah beroperasi dan 11 buah lagi masih dalam pembangunan. Di samping itu juga, terdapat sebanyak 22 buah kolej komuniti cawangan yang telah beroperasi di seluruh negara. Pada tahun 2009, kolej komuniti telah berjaya menghasilkan seramai 7,242 lulusan di peringkat sijil, 443 lulusan diploma dan 121,003 penyertaan bagi kursus- kursus pendek. Dalam tempoh 2001 hingga 2009, seramai 27,025 lulusan di peringkat Sijil dan 744 lulusan diploma telah dihasilkan oleh kolej komuniti. Manakala, Kajian Pengesanan Graduan 2009 bagi kolej komuniti menunjukkan 46% graduan telah mendapat pekerjaan, 9.1% melanjutkan pelajaran, 1.1% meningkatkan kemahiran, 2.7% menunggu penempatan pekerjaan dan 41.1% belum bekerja. Di antara bidang-bidang pengajian yang diberi tumpuan di kolej komuniti ialah grafik dan multimedia, automobil, komputer dan teknologi maklumat, teknologi agro, hospitaliti dan pelancongan, bahasa, jahitan/pembuatan pakaian, reka bentuk dalaman/kraf/kesenian, sains kesihatan,perniagaan dan keusahawanan serta eletrik dan elektronik.

Sejak Kolej komuniti ditubuhkan, telah ramai masyarakat setempat yang mendapat manfaat serta berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka setelah menghadiri kursus-kursus yang ditawarkan di kolej komuniti. Di antaranya melalui penglibatan dalam keusahawanan katering, makanan sejuk beku, refleksologi dan pusat kecantikan. Di samping itu, terdapat juga lulusan kolej komuniti yang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan memasuki pasaran pekerjaan dengan gaji yang lebih baik.

Soalan No: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA : Dato' Haji Abd Rahman Bin Dahlan
[Kota Belud]

TARIKH 15 Jun 2010

SOALAN 45

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu *"regulatory body"* bebas untuk memantau industri penerbangan negara dari segi pertumbuhan, persaingan dan kepentingan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Belud, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu *"regulatory body"* bebas untuk memantau industri penerbangan negara dari segi pertumbuhan, persaingan dan kepentingan pengguna. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan akan terus menjalankan tugas-tugas tersebut.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 15.06.2010

SOALAN NO 46

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan unjuran hasil dari pertaruhan sukan berlesen dari Ascot Sports Sdn. Bhd. serta jenis sukan yang dibenarkan untuk pertaruhan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan

perjudian tanpa lesen di Malaysia.

Soalan No : 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
(BALIK PULAU)

TARIKH 15.06.2010

SOALAN:
Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab dan alasan Kementerian dalam mewujudkan klasifikasi sekolah mengikut 'Sekolah Bantuan Penuh' dan 'Sekolah Bantuan Modal' bermula pada 14 Januari 1998 dan adakah Kementerian bercadang untuk memansuhkan klasifikasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan kategori sekolah kepada tiga, iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Institusi pendidikan kerajaan bermaksud sekolah atau institusi pendidikan yang ditubuhkan dan disenggarakan sepenuhnya oleh Menteri. Sementara institusi pendidikan bantuan kerajaan pula adalah sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh. Manakala institusi pendidikan swasta pula bermaksud sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan.

Berdasarkan Akta yang sama juga, tidak ada sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan penuh mahupun sekolah bantuan modal. Sebaliknya

kenyataan tentang bantuan adalah merujuk kepada sumbangan yang diterima oleh setiap sekolah atau institusi pendidikan. Sumbangan yang dimaksudkan terbahagi kepada dua jenis iaitu sumbangan bantuan dan sumbangan modal. Sumbangan bantuan, bermaksud apa-apa bayaran daripada wang awam, selain daripada sumbangan modal, yang dibuat kepada sesuatu institusi pendidikan. Manakala sumbangan modal pula bermaksud bayaran wang awam kepada sesuatu institusi pendidikan bagi:

(a) mengadakan bangunan;
(b) mengubah atau menambah premis yang sedia ada;
(c) mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis baru, diubah atau ditambah; atau
(d) apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberikan sumbangan bantuan secara sama rata kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang meliputi peruntukan mengurus merangkumi emolumen dan elaun guru, pemberian geran per kapita (PCG), peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P), bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan. Sumbangan bantuan ini diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sesebuah sekolah tersebut.

Manakala bagi maksud memberikan sumbangan modal pula, Kerajaan masih memberi perhatian kepada kedua-dua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun disebabkan milikan tanah bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang bukan dipunyai Kerajaan, bagi tujuan mengadakan bangunan, mengubah premis dan mengadakan kelengkapan perabot dalam bangunan baru kepada sekolah-sekolah tersebut adalah berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah dan kemampuan semasa kewangan kerajaan. Rjm27

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]
TARIKH 15 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan dengan mengemukakan statistik terkini, perkembangan dan pencapaian pembangunan di koridor Malaysia seperti ECER. Sejauh manakah ia secara spesifik menguntungkan negeri-negeri seperti Kelantan, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah merancang dan melaksanakan program dan projek pembangunan yang memfokuskan kepada kelompok pelancongan, minyak, gas & petrokimia, pembuatan, pertanian dan pendidikan yang disokongi oleh sektor pengupaya termasuk pengangkutan, infrastruktur dan pembangunan modal insan untuk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), siling pembangunan diluluskan berjumlah RM1.28 bilion untuk 67 program dan projek. Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 64 projek (95%) telah mula dilaksanakan, manakala 3 projek lagi akan dilaksanakan sebelum akhir tahun 2010.

Di negeri Kelantan khususnya, projek Agropolitan Kelantan Selatan telah dilaksanakan bertujuan untuk membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan pendapatan serta membuka peluang pekerjaan dan keusahawanan selaras dengan usaha membina masyarakat berdikari. Seramai 3,000 keluarga akan terlibat dengan aktiviti utama iaitu perladangan kelapa sawit, aktiviti sekunder iaitu tanaman koko dan akuaponik dam aktiviti sokongan iaitu pemprosesan hasil koko dan latihan kemahiran diri dan keusahawanan. Fasa 1 telah pun mula dilaksanakan melibatkan pembinaan 350 unit rumah, penambahbaikan loji rawatan air, dan pemulihan dan penanaman semula ladang kelapa sawit. Projek Agropolitan Kelantan Utara juga sudah bermula dengan kerja-kerja ukur tanah dan proses pemilihan peserta.

Selain dari itu, pelaksanaan awal juga telah bermula bagi projek ECER yang meliputi kelompok pertanian antaranya Taman Pengeluaran & Pemprosesan Ayam Berintegrasi Penuh dan Taman Herba di Gua Musang; Taman Perikanan Bersepadu di Tok Bali dan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan & Pembungkusan Produk Berasaskan Ikan di Pengkalan Kubor serta Taman Industri Halal di Pasir Mas.

Bagi tempoh 2007 sehingga 31 Mei 2010, ECER dijangka menerima pelaburan berpotensi dan komited dari dalam dan luar negara berjumlah RM28.32 bilion dalam bidang utama iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan minyak dan gas serta petrokimia.

Bagi negeri Sabah, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah diperuntukan siling pembangunan sejumlah RM1.28 bilion untuk melaksanakan 54 program dan projek pembangunan di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Kesemua projek dan program sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Sejak tahun 2008 sehingga 31 Mei 2010, SDC telah menerima pelaburan komited dari dalam dan luar negara berjumlah RM15.61 bilion dalam bidang utama iaitu pelancongan, pembuatan, perkilangan dan infrastruktur.

Manakala itu, Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Ekonomi (RECODA) di Sarawak telah diperuntukkan siling pembangunan berjumlah RM1.51 bilion untuk 9 projek infrastruktur fizikal utama iaitu pusat pertumbuhan baru, pembangunan jalan raya ke tapak Empangan HEP dan petempatan luar bandar, pembangunan taman perindustrian dan pembinaan baru lapangan terbang. Kesemua projek tersebut kini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di bawah Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE). Semenjak pelancaran SCORE pada tahun 2008, sehingga kini telah menerima cadangan pelaburan berjumlah RM87.61 bilion dari dalam dan luar negara khususnya bagi industry berintensifkan tenaga seperti aluminium, polysilicon, metallic silicon, besi serta industri halal berasaskan pertanian dan perikanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN NO: 49

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]
TARIKH	15 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN	

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah bangunan kerajaan baru yang dibina dengan mamatuhi ciri-ciri GBI (*Green Building Index*)

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Green Building Index* atau GBI adalah satu indeks penarafan ke atas bangunan yang menerapkan ciri- ciri hijau. Ia merupakan insiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau yang berupaya menjimatkan kos utiliti, pengurangan pembebasan gas karbon dioksida dan memelihara kualiti alam sekitar. Antara kriteria untuk mendapat penarafan GBI adalah bangunan tersebut perlu mempunyai ciri-ciri kecekapan tenaga yang merupakan sebahagian daripada elemen bangunan hijau.

Walaupun pada masa ini, masih belum ada bangunan baru Kerajaan yang mendapat penarafan GBI, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil langkah dengan menubuhkan Jawatankuasa Bersama Penilaian Bangunan Hijau pada bulan April 2010. Peranan jawatankuasa ini adalah untuk penarafan bangunan hijau Kerajaan. Pada masa yang sama, sebilangan besar projek-projek JKR yang dibina pada masa ini telah mengambil kira ciri-ciri kecekapan tenaga melalui penggunaan teknologi hijau. Sebagai contohnya pihak JKR telah menjalankan projek- projek perintis kecekapan tenaga di projek bangunan baru seperti di Kompleks Kerja Raya 2 (KKR 2), *National Cancer Institute* (NCI) dan Kampus Perubatan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Kuantan.

KKR 2 yang setinggi 38 tingkat akan menjadi bangunan pejabat tinggi

Kerajaan yang akan mempunyai Indeks Penggunaan Tenaga *Building Energy Intensity* (BEI) terendah iaitu sebanyak 100kwj/m^2/tahun (kilowat jam permeter persegi pertahun). Bagi bangunan sedia ada, program penjimatan tenaga tanpa kos telah dijalankan di Blok F Ibu Pejabat JKR dan Perdana Putra di Putrajaya. Setakat ini, kadar penjimatan tenaga yang dicapai di kedua-dua bangunan adalah melebihi 15%.

JKR juga sedang giat membangunkan teknologi hijau seperti Sistem Penuaian Air Hujan *(Rain Water Harvesting),* Kualiti Persekitaran Dalaman *(Indoor Environment Quality), Heat Island Effect,* tenaga solar dan *solar heat gain* untuk dimasukkan ke dalam projek pembangunan. Keutamaan akan diberi kepada teknologi hijau yang akan memberi pusingan kebaikan paling tinggi kepada alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe- 10), ciri-ciri kecekapan tenaga dan penggunaan teknologi hijau akan diperluaskan kepada projek-projek JKR yang baru.

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

[TELOK INTAN]

TARIKH 15 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan rumah-rumah di Kampung Kilang Padi di Sungai Nibung, Teluk Intan tidak mempunyai alamat sendiri walaupun terdapat lebih daripada 100 buah rumah dan akibatnya penduduk sering kali tidak menerima atau kehilangan surat melalui pos. Bolehkah Kerajaan menyediakan satu sistem alamat yang lengkap untuk setiap rumah tersebut supaya mereka boleh berhubung melalui pos.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah sementara untuk mengatasi masalah ketiadaan sistem alamat yang lengkap di Kampung Kilang Padi Sungai Nibung, Teluk Intan, Pos Malaysia telah menyediakan pusat serahan berkelompok.

Untuk mewujudkan sistem alamat lengkap, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan projek perintis di Semporna, Sabah dengan menggunakan teknologi *Google Earth, Unmanned Aerial Vehicle* dan *Geological Information System* (GIS). Jika ianya berkesan, ya, Kerajaan akan menyebar luaskan pelaksanaan ke seluruh negara dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri supaya sistem alamat lebih teratur dan seragam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]
TARIKH	15 JUN 2010

SOALAN 32:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta PERDANA

NO. SOALAN : 52

MENTERI menyatakan cadangan penswastaan Lapangan Terbang Sungai Besi syarikat-syarikat yang terlibat dalam penswastaan tersebut, rancangan pembangunannya serta anggaran kos terbabit.

JAWAPAN: Y.A.B.DATO' SER8 MOHAMED NAJIB TUN RAZAK

PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Pembangunan semula Sungai Besi bukanlah satu projek penswastaan. Ia akan diterajui oleh sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh Kerajaan sebagai Pemaju Induk ("Master Developer").

Cadangan pembangunan ini merupakan pembangunan harta tanah strategik, yang melangkaui erti kata lazim dalam pembangunan harta. Kini kita ingin membuka kunci nilai strategik aset Kerajaan. Objektif kita adalah mudah, iaitu memperolehi kesan berganda yang tinggi melalui potensi ekonomi yang ada pada aset-aset ini bagi menjana pertumbuhan ke arah sebuah ekonomi yang berkembang maju dan berdaya saing.

Cadangan pembangunan semula Sungai Besi merupakan antara inisiatif utama Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pertumbuhan nasional dan gerbang ke arah membangunkan ekonomi global dengan memanfaatkan kekuatan populasi kosmopolitan, warisan Asia yang unik dan infrastruktur bertaraf dunia. Greater KL yang merangkumi Bandaraya Kuala Lumpur dan bandar satelit di sekitarnya merupakan kluster pertumbuhan ekonomi yang penting dan menyumbang lapan kali ganda KDNK berbanding bandar lain di Malaysia.

Pembangunan semula Sungai Besi bertujuan meletakkan Kuala Lumpur sebagai bandar bertaraf dunia dengan kombinasi strategik pertumbuhan

ekonomi dan kesesuaian didiami. Kesesuaian didiami adalah faktor penting dalam persaingan menarik modal insan berbakat, kekayaan dan pelaburan di peringkat global.

Oleh itu, cadangan pembangunan semula Sungai Besi akan menerapkan aspirasi Kerajaan untuk sebuah kehidupan mampan dan supaya teknologi hijau menjadi ciri utama di dalam kehidupan kita. Ia akan mengambil kira aspek alam sekitar dan akan turut merangkumi pembinaan taman-taman rekreasi untuk suasana yang lebih selesa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN:

LISAN

DARIPADA : YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH : 15 JUN 2010

SOALAN :

DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD minta PERDANA MENTERI menyatakan definisi rasuah yang dipakai oleh SPRM dan kenapa SPR atau SPRM tidak bertindak menyiasat rasuah semasa pilihanraya yang dilakukan oleh Perdana Menteri secara terang-

terangan semasa PRK Hulu Selangor dan PRK Sibu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 tidak memperuntukkan tafsiran khusus mengenai istilah "rasuah", namun begltu akta berkenaan menjelaskan perbuatan yang boleh ditakrifkan perbuatan rasuah yang menjadi satu kesalahan dalam akta yang sama. Walau bagaimanapun akta berkenaan menjelaskan mengenai "suapan" rasuah yang antara lainnya seperti wang, hadiah, jawatan, pekerjaan, bayaran, pelepasan, diskaun, komisen, perkhidmatan, pertolongan , tawaran dan aku janji atau janji.

SOALAN (53)

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sedang menjalankan siasatan berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	15 JUN 2010 (SELASA)
DARIPADA	Y.B. TUAN DING KUONG HUNG

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
(SARIKEI)

SOALAN

Y.B. TUAN DING KUONG HUNG (SARIKEI) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan Kementerian untuk menambah baik infrastruktur balai bomba di Pekan Bintangor dan bandar Sarikei dalam RMK-10. Jika ya, nyatakan bila. Jika tidak, nyatakan faktor-faktor.

JAWAPAN

SOALAN (53)

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyedari perlunya menambahbaik dan menaiktaraf balai-balai bomba di seluruh negara terutama di negeri Sarawak memandangkan kebanyakan balai-balai tersebut telah lama dan uzur. Balai Bomba Sarikei telah dibina oleh Majlis Daerah Sarikei pada tahun 1974 dan Balai Bomba Bintangor pula dibina oleh pihak Majlis Daerah Meradong, Bintangor pada tahun 1978.

Cadangan penggantian balai-balai bomba lama di Sarawak telah dimulakan semenjak RMK-8 dan diteruskan pelaksanaannya secara berperingkat. Selain itu, pada tahun 2009, KPKT juga telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi kedua yang melibatkan pembaikan dalaman dan luaran bangunan Balai Bomba Sarikei dan Bintangor.

Cadangan bagi menaiktaraf Balai Bomba Bintagor dan Balai Bomba Sarikei juga telah dimasukkan dalam permohonan projek

RMK-10. Kementerian akan segera melaksanakan kerja-kerja

berkaitan sekiranya permohonan tersebut diluluskan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]

TARIKH 15 JUN 2010

SOALAN

SOALAN 32:

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah keberkesanan, impak, dan keberkesanan Dasar Pandang Ke Timur dan apakah langkah- langkah dan pendekatan Kerajaan untuk membaik pulih hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat dan negara-negara barat.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

YB Bayan Baru menyebut dalam soalannya berkaitan pendekatan Kerajaan untuk membaik pulih hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat dan negara-negara barat. Pertanyaan tersebut seolah-olah menyatakan bahawa Kerajaan mempunyai masalah dalam hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat dan negara barat sedangkan realitinya adalah tidak begitu. Kerajaan tidak pernah mempunyai masalah berkenaan. Hubungan perdagangan sentiasa baik malahan Kerajaan mengalu-alukan pelaburan mereka terhadap negara ini bagi membantu menjana ekonomi negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkaitan Dasar Pandang Ke Timur (DPT) ia adalah lebih tertumpu kepada pembangunan modal insan dan perpindahan teknologi yang mana diakui dunia bahawa negara Jepun memiliki teknologi yang lebih terkehadapan. DPT telah dilaksanakan melalui penghantaran kakitangan awam dan swasta serta pelajar-pelajar ke negara Jepun dan Korea untuk mengikuti latihan sama ada dalam bentuk akademik di institusi pengajian tinggi (IPT) atau "*on-job-training"* di syarikat- syarikat dan institusi awam di kedua negara berkenaan.

DPT memberi penekanan kepada unsur-unsur ketekunan dan disiplin serta kemahiran teknologi. Selain itu, terdapat ramai graduan dari Jepun dan Korea yang mempunyai kemahiran dalam bahasa tersebut merupakan antara faktor yang menarik minat pelabur Jepun dan Korea melabur di negara ini.

Hasil kajian dari *Foundation For Advance Studies On International Development,* sebuah institusi di Jepun mendapati kebanyakan majikan bersetuju bahawa DPT telah berjaya membangunkan modal insan yang tekun, rajin dan berdisiplin dalam kerja. Fakta juga telah membuktikan bahawa graduan dari Jepun dan Korea sentiasa menjadi rebutan syarikat-syarikat Jepun ddan Korea di Malaysia.

Segala manfaat kepada negara khususnya dalam pembangunan modal insan bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga pembentukan sahsiah dan jati diri telah membuktikan bahawa perlaksanaan DPT ini telah berjaya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA		DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]
TARIKH		15 JUN 2010 (SELASA)

NO. SOALAN: 28

SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta PERDANA MENTERI menyatakan Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed memberi peluang di kalangan generasi muda untuk mendapatkan pendedahan dan peluang di perniagaan yang boleh diceburi bagi peningkatan ekonomi mereka. Apakah dalam Model Ekonomi Baru (MEB), peluang sedemikian juga akan diteruskan serta langkah-langkah positif ke arah itu.

JAWAPAN:

Salah satu perubahan pendekatan yang dicadangkan dalam Model Baru Ekonomi ialah menukar arah pandangan kita daripada semata-mata Amerika dan EU kepada negara seperti China, Korea dan India serta negara timur tengah dan negara-negara jiran yang sedang pesat membangun. Pendedahan kepada negara-negara tersebut adalah penting untuk mengenalpasti cara terbaik untuk meningkatkan peranan kita dalam pembangunan mereka supaya kedua-dua belah pihak mendapat faedah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN ;

DARIPADA : TUAN UM KIT SIANG
[Ipoh Timur] ;

TARIKH : 15JUN2010

NO. SOALAN ;
SOALAN : |
'
j

Tuan Llm Kit Siang I Ipoh Timur J minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil usaha Kerajaan Persekutuan sejjak April 2009 untuk menyelesaikan masalah berpanjanganj mengenai pendatang tanpa izin di Sabah yang menjadikan rakyat Sabah sendiri "orang asing di atas bumi sehdin". \

JAWAPAN

YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Kerajaan telah melaksanakan tindakan berterusan bagi mengesan, memantau dan merpgusir PATI di Sabah sejak 1990 dan masih diteruskan sehingga kini!

Pada tahun 2008, Kerajaan telah menufcjuhkan satu Jawatankuasa Membanteras PATI di Sabah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Sabah untuk melaksaripkan operasi bersepadu melibatkan semua agensi penguatkuasa dan berpandukan arahan dan ketetapan Kerajaan Sabah.

Bagi tahun 2009 sahaja, sebanyak 34 siri Operasi Bersepadu telah dilaksanakan bagi seluruh daerah di Pantai Timur iSabah. Hasil daripada operasi tersebut sebanyak 10,695 orang telah dihantar pulang ke negara masing-masing melibatkan warga Filipina 7,922, warga Indonesia 2,501 dan lain-lain 272.

Operasi Bersepadu yang dilaksanakan sejak tahun 2008 juga telah merekodkan pekerja-pekerja dan keluarga {yang bekerja dengan majikan tertentu dengan jumlah seramai ^74,584 tanpa pas pekerja. Tindakan untuk mengesahkan status mereka sebagai pekerja telah dilaksanakan dan sehingga l^ini pemberian pas pekerja melibatkan jumlah berikut:

Filipina ; 54,130

Indonesia : 156,600

Sehingga kini, jumlah "levi" yang diperolehi dafipada proses pengesahan status pekerja adalah sebanyak RM130 juta.

Bagi tahun 2010, Operasi Bersepadu telah dilaksanakan dan telah melalui dua (2) siri melibatkan Pantai Timur danj Pantai Barat Sabah.

Kerajaan telah mengambil tindakan penghantaranj balik PATI ke negara asal secara berterusan. Sejak 1990, jumlah yang dihantar pulang adalah seperti berikut:

TAHUN	WARGANEGARA PATI YANG DIUSIR1990j - 24 NOVEMBER 2009			JUMLAH
	F1LIPINA	INDONESIA	LAIN-LAIN j WARGANEGARA	
1990-1999	66,414	65,826	0 j	132,240
2000	13,553	13.416	84 |	27,053
2001	12,265	15,166	326 ; j	27,757
2002	19,701	11,244	321 j	31,266
2003	11,246	5,542	156 j	16,944
2004	8,598	5,207	317 | j	14,122
2005	7,051	3,858	520 !	11,429
2006	11,092	5,433	i: 558 j	17,083
2007	11,784	6,495	2 0 0	18,707
2008	13,615	5,278	258 1	19,151
2009	7,922	2,501	272 |	10,695
JUMLAH	163,241	139,966	3,240 f	326,447

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH (JASIN)
PERTANYAAN :	LISAN
TARIKH	15.06.2010
SOALAN NO	57

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah bentuk penyusunan semula subsidi yang sedang dikaji dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha kita untuk mengagihkan secara lebih efisien kepada golongan sasar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan penyusunan semula subsidi adalah dibuat demi menjaga kepentingan rakyat. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, rakyat sentiasa menjadi keutamaan. Pada masa kini, Kerajaan masih lagi meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU) di bawah Makmal Rasionalisasi Subsidi. Secara amnya, rasionalisasi subsidi adalah berbentuk bantuan yang ditumpukan pengagihannya kepada golongan sasar yang betul-betul memerlukannya.

Soalan No : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)
TARIKH	15.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah pembinaan SK Menuang dan SK Limbang yang sedang dibina mengambil masa yang terlalu lama (projek sakit) sedangkan bangunan sekolah yang masa ini ditumpangi semakin usang dan merbahaya untuk murid-murid sekolah dan apakah tahap *'Quality Control'* yang dikenakan di dalam pembinaan sekolah-sekolah baru tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh masa pembinaan SK Menuang dan SK Limbang adalah seperti yang disyorkan oleh pihak perunding profesional yang dilantik berdasarkan skop kerja, lokasi tapak di luar bandar, kesukaran akses ke tapak, sumber bahan-bahan binaan dan faktor-faktor lain di luar jangkaan. Pihak profesional dilantik untuk membuat reka bentuk mengikut piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, perunding juga akan memantau projek sekolah ini sehingga siap mengikut amalan professional. Projek ini dijangka siap dalam tahun 2010.

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' KAMARUDDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]
TARIKH	15 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan kerjasama komunikasi dan penerangan dengan Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah mengambil pelbagai inisiatif untuk merapatkan hubungan Malaysia-Republik Indonesia bagi memelihara hubungan keakraban di antara kedua buah negara.

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Dalam Bidang Penerangan Dan Komunikasi (JCICM) 2010 di antara Malaysia dan Republik Indonesia telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dari 2 hingga 4 Mei 2010. Mesyuarat telah mencapai persetujuan ke atas draf Moll yang meliputi kerjasama dalam bidang penerangan dan komunikasi seperti pertukaran berita, penerbitan dokumentari, pertukaran pegawai serta pameran foto, kerjasama *ICT,* pertukaran maklumat mengenai dasar dan hal ehwal kawal selia, pembangunan kandungan, dan perkhidmatan pos.

Beberapa cadangan program dan aktiviti baru untuk dilaksanakan telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak seperti berikut:

1. Memperhebat usaha-usaha interaksi antara wartawan Indonesia - Malaysia;
2. Penerbitan Filem Dokumentari Mengenai Warisan Dan Ekonomi;
3. Perjanjian pembelian filem / program TV oleh syarikat filem swasta secara timbal balas;
4. Kerjasama '*Set-Top Box' (STB);*
5. Bengkel Isu Strategik;
6. Perkongsian dan pertukaran artikel, rencana, gambar dan hasil kajian serta bahan-bahan penerbitan;
7. Pertukaran maklumat melalui Media Tradisional;
8. Kerjasama Media Baru;
9. Program Bicara Bersama;
10. Pelancaran ANTARA TV;
11. Sidang Kemuncak ANTARA - BERNAMA;
12. Penerbitan buku bersama;
13. Kerjasama antara badan-badan Media Massa; dan

14. Menerokai kerjasama dalam bidang komunikasi.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 15.06.2010

SOALAN NO 60

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) sejauh manakah keberkesanan usaha untuk membanteras sindiket penyeludupan rokok; dan

(b) apakah mekanisme pelupusan rokok-rokok seludup yang dirampas supaya tiada keraguan bahawa rokok tersebut dijual semula.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan sepanjang tahun untuk membanteras sindiket penyeludupan rokok. Di antara langkah diambil adalah menjalankan pemeriksaan ke atas premis/stor, serbuan, menjalankan sekatan jalan raya, menjalankan rondaan darat, menjalankan rondaan laut, mengesan dagangan yang disyaki dengan menggunakan mesin pengimbas, aktiviti risikan, mengadakan kempen/publisiti bagi tujuan meningkatkan kesedaran, mewujudkan talian bebas tol untuk memudahkan aduan oleh orang awam dan penggunaan dakwat keselamatan

serta cukai setem bagi membezakan rokok yang telah dibayar cukai dengan rokok yang belum dibayar cukainya. Mulai Februari 2010, JKDM telah melancarkan satu operasi khas di seluruh negara iaitu Operasi *Outlet* Untuk Rokok bagi membanteras sindiket penyeludupan rokok. Langkah yang diambil oleh JKDM tersebut telah berjaya membanteras sindiket penyeludupan rokok berdasarkan nilai rampasan rokok yang telah meningkat sebanyak 56% bagi tempoh Januari hingga Mei 2010 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009. Di samping itu, Operasi *Outlet* Untuk Rokok yang telah dimulakan dalam tahun 2010 hanya mendapati 415 kedai runcit iaitu 7.54% yang menjual rokok seludup daripada sejumlah 5506 kedai runcit yang telah diperiksa setakat Mei 2010.

2. Untuk makluman Yang Berhormat mulai Mei 2008, rokok seludup yang dirampas akan dimusnahkan. Rokok yang dimusnahkan akan dirincih halus dan dibakar di tempat pembakaran yang telah diluluskan oleh Majlis Tempatan/Kerajaan dengan disaksikan oleh Pegawai Stor, Pegawai Kanan, Pegawai Penyiasat dan wakil daripada Ibu Pejabat. Selepas itu, sijil pemusnahan dikeluarkan sebagai rekod dalam surat siasatan terlibat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 15 JUN 2010

SOALAN :

SOALAN NO:61

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah isteri kepada YAB Perdana Menteri berhak digelar sebagai Wanita Pertama atau "First Lady" Malaysia, sedangkan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong sememangnya sebelum ini telah pun dikenali sebagai "First Lady" Malaysia.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI MOHAMED NAJIB TUN RAZAK
PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan adat, budaya dan amalan protokol di Malaysia, gelaran 'wanita pertama' tidaklah menjadi suatu amalan. Ramai orang berpendapat dalam konteks negara Malaysia, 'wanita pertama' adalah merujuk kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Secara lateralnya, pendapat tersebut adalah tidak tepat. Ini adalah kerana kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong adalah lebih tinggi daripada 'wanita pertama'.

Kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 32 (2) dan hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong. Terminologi 'wanita pertama' tidak wujud sama sekali dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, untuk menyamakan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dengan 'wanita pertama' seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain adalah tidak tepat sama sekali. Sekiranya

ada dan diamalkan, ‘wanita pertama’ di Malaysia mestilah berada di bawah daripada kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DR. TAN SENG GIAW

(KEPONG)

TARIKH 15 JUN 2010

SOALAN:

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan cara-cara yang dipakai untuk menilai kualiti dan performance kira-kira 386,000 guru di negara ini. Apakah tahap mereka berbanding dengan negara-negara seperti Singapura dari segi gaji, kualiti kerja dan komitmennya serta faktor-faktor yang menjejas prestasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang berpuas hati dengan kualiti guru-guru yang dikeluarkan. Guru-guru yang telah berkhidmat sentiasa dari semasa ke semasa diberi kursus dan bimbingan melalui kursus dalam perkhidmatan sama ada secara jangka pendek dan jangka panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'Guru Permulaan' *(Newly Qualified Teachers)* yang merupakan graduan dari IPG dipantau oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam tempoh 6 bulan pertama selepas ditempatkan di sekolah-sekolah. Bimbingan dan panduan masih diberikan kepada guru-guru baru dengan kerjasama pihak sekolah iaitu pentadbir dan guru-guru terlatih. Di samping itu, sekolah-sekolah juga melakanakan kaedah mentor-mentee yang melibatkan guru-guru berpengalaman membimbing guru-guru permulaan. Pada masa yang sama, Guru Besar dan Pengetua sekolah turut berperanan untuk memantau dan membuat pencerapan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

KPM tidak berkompromi dari segi kualiti guru yang bakal dikeluarkan. Guru pelatih yang tidak melepasi tahap pencapaian yang ditetapkan seperti dalam ujian, latihan mengajar atau peperiksaan boleh digagalkan dalam pengajian mereka. Dalam proses pengajian di Institusi Pendidikan Guru (IPG), guru-guru pelatih yang menghadapi masalah pembelajaran akan dikuarantin dan dibimbing agar melepasi ujian yang ditetapkan. Ujian ulangan akan dijalankan bagi mengatasi guru-guru yang gagal dalam ujian pertama dan majoriti mereka lulus dalam ujian ulangan yang diadakan. Oleh yang demikian, hampir semua guru yang tamat pengajian mereka di IPG telah lulus dan melepasi tahap yang ditetapkan oleh KPM. Namun demikian, terdapat sebilangan kecil (di bawah 0.1%) pelatih yang terpaksa ditamatkan pengajian kerana perkara-perkara lain seperti masalah disiplin, tidak berminat untuk menjadi guru serta mengidap penyakit yang memaksa guru pelatih tersebut menamatkan pengajiannya lebih awal.

Di peringkat KPM pula, Jemaah Nazir berperanan membuat pemantauan dan penaziran yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, Bahagian Sumber Manusia pula menyediakan khidmat bimbingan kaunseling melalui kaunselor yang dilantik dan Institut Aminuddin Baki berperanan dalam memberikan latihan pengurusan kepada guru dan pentadbir sekolah.

Rjm 103

NO. AUM : 23

NO.AUP : *CZ*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH 15 JUN 2010

RUJUKAN 2707

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara teliti prosedur Operasi Standard Polis (SOP) yang membabitkan penggunaan senjata api dan gari tangan ketika bertugas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api dan gari tangan ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan, hak mempertahankan

diri dan tatacara penggunaan gari tangan ketika bertugas sepertimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan serta Perintah Tetap KPN bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap KPN berkenaan SOP penggunaan senjata api, latihan-latihan amali yang merangkumi matapelajaran pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasar sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan amali ini, anggota turut didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga sentiasa dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak. Pemeriksaan ini sangat penting bagi memastikan penjenayah dapat ditangkap dan keselamatan anggota- anggota PDRM yang bertugas terjamin.

Tuan Yang Dipertua,

SOP berkaitan penggunaan gari tangan ketika bertugas adalah terkandung di dalam Perintah Tetap KPN Bahagian A 120. Berdasarkan SOP ini, gari digunakan bagi memastikan banduan yang dikurung selamat dan tidak terlepas. Selain itu, SOP ini juga menerangkan secara terperinci tentang penggunaan gari tangan oleh anggota-anggota PDRM untuk banduan-banduan yang berbeza. Bagi banduan tua atau tidak kuat, banduan yang cedera dan kecederaannya menghalang dari menjadi merbahaya atau cuba

melepaskan diri, juvana, mereka yang melakukan kesalahan kecil, mereka yang ditangkap semata-mata oleh proses sivil dan mereka yang tidak berkemungkinan cuba untuk melepaskan diri hendaklah tidak di gari. Manakala bagi banduan wanita pula, mereka hendaklah tidak digari. Tetapi sekiranya pegawai bertanggungjawab untuk mengiring merasakan perlu untuk menggari banduan tersebut atas sebab-sebab yang difikirkan wajar, ianya adalah di bolehkan dan hendaklah selalu berada di bawah jagaan terus seorang anggota polis wanita seperti yang termaktub di bawah Seksyen 19 Kanun Acara Jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Apabila seseorang banduan sedang diiring dan digari, cara yang paling selamat ialah dengan menggari kedua-dua tangan banduan di belakang badannya. Banduan hendaklah selalu disuruh berjalan sedikit di hadapan dari pengiring untuk membolehkan ia dalam pemerhatian pada setiap masa. Kunci gari hendaklah disimpan oleh pengiring. Sekiranya lebih dari seorang banduan, mereka hendaklah digari secara berpasangan. Manakala bagi mengiring perjalanan dalam sebarang kenderaan atau keretapi pula, setiap banduan hendaklah digari pada pergelangan kanannya. Manakala gari sebelah lagi hendaklah diikat pada pergelangan kiri pengiring. Kunci gari hendaklah disimpan oleh pengiring yang ikut serta.